

"SETIAP yang bernyawa akan merasai mati. Dan sesungguhnya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Oleh itu, sesiapa yang dihindarkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya. Dan tiadalah kehidupan di dunia melainkan hanyalah kesenangan yang memperdayakan".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ali-Imran, ayat 185.

KEBAWAH DYMM, KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI AKAN BERANGKAT MENGHADIRI MAJLIS BERSAMA RAKYAT, PENDUDUK NBD DI LONDON



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam semasa berkenan berangkat menghadiri Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Ireland di London pada tahun 2024. - Foto : Jabatan Penerangan (Lihat muka 3)

Teruja lawat mercu tanda negara

Siaran Akhbar :
Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Disember. – Negara Brunei Darussalam (NBD) terus melakar pencapaian penting dalam pelancongan pelayaran apabila negara mengalu-alukan ketibaan kembali dua buah kapal persiaran antarabangsa utama di Muara Cruise Ship Centre.

Pada 13 Disember 2025, Kapal Norwegia Sun telah singgah di NBD dengan membawa kira-kira 1,902 penumpang dan 910 anak kapal, diikuti dengan ketibaan Costa Serena pada 14 Disember 2025 yang membawa sekitar 2,741 penumpang dan 1,042 orang anak kapal.

Ketibaan berturut-turut ini mencatat antara pergerakan kapal persiaran terbesar dalam sejarah negara.

Para pelancong kapal persiaran disambut mesra dengan persembahan hadrah tradisional dan pertunjukan kebudayaan, sekali gus mewujudkan suasana perayaan yang mencerminkan keramahan serta warisan budaya negara.

>> Muka 7

Doa Kesyukuran raikan kepulangan 29 anggota ABDB

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BOLKIAH GARISON, Jumaat, 26 Disember. - Satu Majlis Doa Kesyukuran diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, hari ini bagi meraikan kepulangan seramai 29 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang telah menyertai misi pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Lubnan (UNIFIL) sebagai sebahagian daripada Malaysian Battalion (MALBATT) 850-12.

Kontinjen tersebut, yang diketuai oleh Mejar Pengiran Muhammad Syahir Fadillah bin Pengiran Salleh, terdiri daripada tiga pegawai, 26 anggota lain-lain peringkat,

termasuk dua anggota askar wanita yang kesemuanya berjaya menamatkan penugasan selama setahun dan kembali dengan selamat ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 5 Disember 2025.

Hadir bagi menyempurnakan majlis tersebut dan menyampaikan sijil penyertaan kepada anggota kontinjen ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

>> Muka 3

Imbangan perdagangan Oktober 2025 meningkat 24.1 peratus

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Disember. - Imbangan perdagangan bagi bulan Oktober 2025 meningkat sebanyak 24.1 peratus, berbanding bulan Oktober 2024.

Ini adalah didorong oleh peningkatan

eksport sebanyak 8.3 peratus kepada BND1,147.5 juta, manakala, nilai import mencatatkan penurunan sebanyak 3.0 peratus kepada BND600.2 juta.

>> Muka 4



Berita Utama



PILIH Islam sebagai pegangan hidup

Muka 4



MAJLIS penghargaan raikan komitmen, sumbangan sukarelawan CYSEC 2025

Muka 5



RAIH ganjaran pahala di bulan Rejab

Muka 8



RENTETAN Peristiwa Sepanjang Tahun 2025

Muka 20

Majlis Penyampaian Sijil Kerakyatan cerminkan kesyukuran dan tanggungjawab

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyrafil Mursaleen
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan selamat pagi kepada
semua.

MARILAH kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat, izin serta hidayah-Nya jua kita semua dapat berhimpun di Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Negara Brunei Darussalam (NBD) Kali Ke-43.

InsyaaAllah, pada petang ini, lebih 1,300 orang akan menerima Sijil Taraf Kerakyatan mereka yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, umur, agama dan bangsa. Sebagai tanda syukur, marilah kita sama-sama merafakkan sembah ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah perkenan baginda bagi *abiskita* semua dikurniakan taraf kerakyatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Taraf Kerakyatan NBD. Di kesempatan ini, saya dengan tulus ikhlas merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima Sijil Taraf Kerakyatan NBD di mana hari ini merupakan detik yang amat bermakna dalam kehidupan tuan-tuan dan puan-puan serta keluarga

masing-masing.

Alhamdulillah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan beberapa pembaharuan dan penambahbaikan sama ada dari segi dasar, tatacara dan proses bagi kebajikan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Sehubungan itu, Garis Panduan dan Syarat-Syarat Kelayakan Bagi Kategori Permohonan Untuk Mendapatkan Taraf Penduduk Tetap NBD telah dikemas kini dan mula berkuat kuasa pada 31 Disember 2024.

Berkat usaha dan inisiatif yang dilaksanakan, KHEDN melalui JIPK telah berjaya memproses permohonan, termasuk permohonan-permohonan yang tertunggak (*backlog*) di mana pada hemat peramba / saya ini mencerminkan komitmen berterusan kementerian dalam memeduli kebajikan para pemohon serta hasil usaha bersama di kalangan pegawai dan kakitangan dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

Keharmonian dan kesejahteraan merupakan tiang seri kepada sebuah negara, tanpa keharmonian pembangunan akan terbantut dan tanpa kesejahteraan segala pencapaian kemajuan tidak akan membawa makna. Sebuah negara yang aman terbentuk melalui usaha bersama bukan hanya ditanggung oleh kerajaan semata-mata tetapi digalas bersama oleh seluruh rakyat dan penduduk. Oleh yang demikian, usaha memelihara keamanan dan kesejahteraan perlulah dilihat sebagai tanggungjawab kolektif dan bukan sekadar dipertanggungjawabkan kepada pihak kerajaan sahaja.

Wawasan Brunei 2035 merupakan matlamat nasional yang menuntut sokongan serta penyertaan aktif seluruh rakyat dan penduduk dalam mendukung dasar dan inisiatif kerajaan. Penglibatan masyarakat melalui Program Komuniti Pembangunan Institusi Mukim dan Kampung serta pelaksanaan pelbagai projek kebajikan adalah penting dalam mempercepatkan pencapaian aspirasi negara.

Budaya gotong-royong bukan sekadar amalan bermasyarakat, malah merupakan tuntutan murni dalam agama yang menggalakkan umatnya saling membantu, berkasih sayang dan memelihara ukhuwah. Sama ada dalam membersihkan mukim dan kampung, membangunkan kemudahan komuniti mahupun membantu jiran yang memerlukan. Amalan ini mencerminkan nilai ihsan, semangat persaudaraan dan sifat tolong-menolong sebagaimana dituntut dalam ajaran agama Islam. Sehubungan itu setiap rakyat berperanan sebagai penyebar kasih sayang dan ejen perpaduan di mana kebaikan yang dimulai dari rumah, keluarga dan kejiiran akan melahirkan masyarakat yang sejahtera tanpa mengira bangsa, agama dan latar belakang.

Nilai ini dapat dizahirkan melalui sikap menghargai jiran berganding bahu dalam aktiviti kemasyarakatan rasa tanggungjawab sosial kepada mereka yang memerlukan. Pemimpin akar umbi merupakan tonggak utama pembangunan masyarakat, menjadi jambatan penghubung antara kerajaan dan rakyat dalam menyuarakan keperluan penduduk serta memastikan kesejahteraan komuniti sentiasa terpelihara. Kepimpinan mereka bukan sekadar menyampaikan dasar kerajaan tetapi turut membimbing memupuk



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-43 pada Rabu, 3 Disember 2025 bertempat di Dewan Bankuet, Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong.

perpaduan dan menjadi teladan dalam nilai amanah, keikhlasan, integriti serta keprihatinan terhadap kebajikan bersama. Mereka juga menjadi nadi penggerak penting dalam mendukung agenda pembangunan negara termasuk menyokong Wawasan Brunei 2035, khususnya melalui usaha melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi berdaya saing dan hidup dalam suasana aman harmoni serta sejahtera.

>> Muka 4

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	HARI	REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
MASIH		HIJRAH								
27	SABTU	6	4.52	5.02	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31
28	AHAD	7	4.53	5.03	6.26	6.51	12.23	3.45	6.17	7.32
29	ISNIN	8	4.53	5.03	6.27	6.51	12.23	3.45	6.17	7.32
30	SELASA	9	4.54	5.04	6.27	6.52	12.24	3.46	6.18	7.33
31	RABU	10	4.54	5.04	6.28	6.52	12.24	3.46	6.18	7.33
1	KHAMIS	11	4.55	5.05	6.28	6.52	12.25	3.46	6.19	7.34
JANUARI										
2	JUMAAT	12	4.55	5.05	6.29	6.53	12.25	3.47	6.19	7.34

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	32 24 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
30 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Pekan Tutong			
30 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 27 DISEMBER 2025

Tetap menjaga pemakanan semasa bercuti

MENJELANG musim cuti, ramai yang akan melancong ke luar negeri atau merancang aktiviti riadah bersama keluarga dalam negeri. Apabila melancong atau melawat ke mana-mana tentu sekali kita juga akan merancang untuk pergi ke tempat makan yang baharu atau tempat makan yang menjadi pilihan orang ramai. Difahami musim cuti sering kali menjadi saat kita melonggarkan rutin, termasuk dalam pemilihan makanan. Namun, menjaga pemakanan semasa bercuti bukanlah mustahil. Dengan perancangan yang bijak, kita masih boleh menikmati makanan yang lazat tanpa mengabaikan kesihatan tubuh.

Menjaga pemakanan semasa bercuti itu penting agar tidak menjejaskan aktiviti-aktiviti dan perjalanan yang telah dirancang. Antara akibat negatif yang datang dari tidak menjaga pemakanan seperti terganggunya pencernaan, penurunan tenaga yang akan menjadikan kita berasa lemah dan mudah penat untuk meneruskan aktiviti. Selain itu, apabila kita tidak menjaga pemakanan kita menaikkan risiko terkena penyakit seperti kencing manis dan darah tinggi. Adalah wajar untuk kita melakukan penyelidikan mengenai tempat-tempat makan dan menu yang tersedia agar kita boleh membuat pilihan pemakanan sihat dan seimbang. Selain itu, kita juga boleh menyediakan makanan dari tempat tinggal sebelum membuat perjalanan dan membawa bekul makanan atau snek sihat seperti buah dan kacang.

Antara amalan yang boleh kita praktikkan untuk menjaga pemakanan semasa melancong atau beriadah ialah untuk memilih makanan kaya protein dan serat. Makanan seperti ini akan dapat membantu mengawal selera makan agar kita tidak makan berlebihan. Ini tidak bermakna kita tidak boleh menikmati makanan-makanan sedap, kita perlu ingat untuk makan secara bersederhana terutama sekali apabila diketahui makanan itu tinggi kalori, gula, garam dan lemak. Yang penting juga ialah untuk minum air kosong secukupnya, terutama sekali apabila cuaca panas atau apabila kita tahu kita akan membuat perjalanan jauh dan membuat aktiviti lasak.

Kita juga boleh secara langsung menjadikan pemakanan sihat sebahagian daripada aktiviti melancong atau beriadah. Kita boleh pergi melawat pasar tempatan untuk buah-buahan dan sayur-sayuran segar, memilih penginapan dengan kemudahan dapur untuk menyediakan hidangan sendiri dan mengikuti kelas memasak di mana kita akan belajar menyediakan makanan sihat. Kesimpulannya, menjaga pemakanan semasa bercuti bukan bermakna kita mengehadkan keseronokan atau mengehadkan diri daripada mencuba makanan-makanan sedap tetapi ia adalah tentang membuat pilihan pemakanan lebih bijak untuk kesihatan dan mempraktikkan makan secara seimbang dan bersederhana. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Raja Isteri akan berangkat menghadiri Majlis Bersama Rakyat, Penduduk NBD di London

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak

Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam akan berangkat menghadiri Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland di London.

Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk NBD akan memberikan peluang dan kenangan istimewa bagi mereka yang berada di UK dan Ireland yang terdiri daripada penuntut-penuntut, pegawai-pegawai kerajaan dan juga mereka yang sedang berada

di London untuk berjunjung ziarah dan beramah mesra Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

DOA KESYUKURAN RAIKAN KEPULANGAN 29 ANGGOTA ABDB



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran yang diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Turut hadir, Pemangku Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato Paduka Haji

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada penerima.

Ibrahim; Kuasa Usaha Sementara, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di NBD, Tuan Abdul Munir Lufti bin Said; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB; wakil-wakil daripada Pasukan Polis Diraja Brunei serta Pejabat Penasihat Pertahanan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke NBD; para pegawai dan staf Kementerian Pertahanan serta ahli-ahli keluarga anggota yang menyertai misi pengaman tersebut.

Majlis tersebut turut diisikan dengan penyampaian tazkirah bertajuk 'Taddabur Surah Al-Fath: Kemenangan yang hakiki' disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Mohammad Rif'at Atiyah bin Anwari.

Pada bulan November yang lalu, Upacara Perbarisan Serah Terima Tugas antara Komander MALBATT 850-12 dan MALBATT 850-13 telah diadakan dengan disaksikan oleh Pemerintah ABDB dan Yang Berbahagia Panglima Angkatan Tentera, Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Perbarisan Serah Terima Autoriti (Transfer of Authority) antara kedua-dua kontinjen turut diadakan dan dihadiri oleh Pemerintah Angkatan Bersama ATM dan Pemerintah Angkatan Bersama ABDB. Kedua-dua upacara tersebut telah berlangsung di UNP-21, Kem Marakah, Selatan Lubnan.

Sepanjang tempoh penugasan tersebut, seorang anggota ABDB, Staf Sarjan Razian bin Hanip telah dianugerahkan Sijil Pengiktirafan dan Kepujian sebagai pengiktirafan atas tata kelakuan terpuji, keberanian dan ketabahan beliau selepas terlibat dalam serangan udara Israel

Defense Forces.

Profesionalisme dan komitmen teguh beliau terhadap tugas sepanjang insiden tersebut mencerminkan piawai profesionalisme dan keberanian yang tinggi yang dijunjung oleh anggota ABDB yang berkhidmat di bawah UNIFIL.

Dalam perkembangan berkaitan, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu telah meluluskan lanjutan mandat UNIFIL sehingga 31 Disember 2026.

Susulan itu, misi tersebut akan memasuki fasa pengunduran secara berperingkat dan teratur dalam tempoh satu tahun dengan kerjasama penuh daripada Kerajaan Lubnan.

Sejak tahun 2008, seramai 485 anggota ABDB termasuk penugasan terkini di bawah MALBATT 850-13 telah berkhidmat di bawah misi UNIFIL.

NBD kekal teguh dengan komitmennya dalam menyokong usaha pengamanan yang menyumbang kepada keamanan serantau dan sejagat.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Mohammad Rif'at Atiyah bin Anwari menyampaikan tazkirah.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Memperkasa Komuniti OKU: Membangun Masyarakat Inklusif'. Tarikh Tutup : 31 Disember 2025
2. 'Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan'. Tarikh Tutup : 7 Januari 2026
3. 'Krisis Kanak-kanak Obesiti Perlu Ditangani'. Tarikh Tutup : 14 Januari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



DANISH Adeeka bin Luhazemi memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dan melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman yang diadakan di Ruang Legar Masjid Kampung Birau (atas dan kanan).



PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP

TUTONG, Jumaat, 26 Disember. - Seramai 267 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara sejak awal Januari hingga 24 Disember 2025, di mana seramai 70 orang daripadanya adalah dari Daerah Tutong.

Sehubungan itu, seorang lelaki Puak Dusun, Danish Adeeka bin Luhazemi berumur 24 tahun, telah memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dan melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman yang diadakan pada tadi bertempat di Ruang Legar Masjid Kampung Birau, di sini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Turut hadir, Ketua Kampung Birau, Luagan Timbaran dan Kebia, Awang Masburah bin Suhaile. Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah. Disusuli dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Danish Adeeka yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Ahmad



Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Danish Adeeka bin Luhazemi. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI) kepada saudara baharu yang diraikan.

Majlis pada pagi itu diserikan lagi dengan Persembahan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat. Setiap muallaf akan menjalani kursus

bimbingan kendalian PDI seperti Kursus Bimbingan Pengenalan selama 10 hari dan Kursus Skim Bimbingan Asas selama 14 hari, kemudian Kursus Bimbingan Lanjut 1 dan 2. Pengendalian kursus - kursus tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan asas ugama Islam dan melahirkan para muallaf yang berilmu, beriman dan beramal serta berakhlak mulia.

MAJLIS diserikan lagi dengan Persembahan Dikir Marhaban.

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

>> Muka 1

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah Bahan Api Galian sebanyak 76.9 peratus, diikuti oleh Bahan Kimia sebanyak 20.1 peratus, serta Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan sebanyak 1.5 peratus.

Sementara itu, pasaran eksport utama adalah Australia sebanyak 23.2 peratus, diikuti oleh Jepun dan Republik Rakyat

China, masing-masing sebanyak 15.4 peratus dan 15.3 peratus.

Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah Bahan Api Galian dan Bahan Kimia.

Manakala, bagi import pula, penyumbang utama adalah Bahan Api Galian sebanyak 55.9 peratus, diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan sebanyak 12.4 peratus, serta Makanan sebanyak 10.3 peratus.

Sumbangan terbesar rakan

SUMBANGAN terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 29.5 peratus, diikuti oleh Republik Kazakhstan sebanyak 15.4 peratus, dan Australia sebanyak 11.0 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah Bahan Api Galian dan Makanan.

Secara keseluruhan, jumlah perdagangan bagi bulan Oktober 2025 meningkat sebanyak 4.1 peratus kepada BND1,747.7 juta, berbanding bulan Oktober 2024.

HALUAN

>> Muka 2

Sebelum mengakhiri ucapan, peramba / saya dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Sijil Taraf Kerakyatan. Semoga dengan pengurniaan ini tuan-tuan dan puan-puan akan terus memberikan sumbangan yang bermakna demi agama, raja, bangsa dan negara yang kita cintai ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pengerusi dan semua ahli jawatankuasa yang telah sama-sama menjayakan majlis pada petang ini, semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan ganjaran pahala yang berlipat ganda dan sentiasa dalam rahmat dan pemeliharaan-Nya Jua.


Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Imbangan perdagangan Oktober 2025 meningkat 24.1 peratus

Website: deps.mofe.gov.bn
Email: info.statistics@jpes.gov.bn
Instagram: @statistics.jpes

جياتن فرانچيسن ايكونومي دان ستاتيسيتيك
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

PERANGKAAAN PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA OKTOBER 2025 BND Juta



dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 29.5 peratus, diikuti oleh Republik Kazakhstan sebanyak 15.4 peratus, dan Australia sebanyak 11.0 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah Bahan Api Galian dan Makanan.

Secara keseluruhan, jumlah perdagangan bagi bulan Oktober 2025 meningkat sebanyak 4.1 peratus kepada BND1,747.7 juta, berbanding bulan Oktober 2024.

Import mengikut kategori penggunaan akhir digunakan untuk pemprosesan Barangan Perantara sebanyak 60.9 peratus, diikuti oleh Barangan Modal bagi operasi perniagaan sebanyak 34.4 peratus, dan Barangan Penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 4.7 peratus.

Berbanding September 2025, jumlah perdagangan meningkat sebanyak 3.1 peratus pada bulan Oktober 2025, didorong oleh peningkatan eksport sebanyak 12.0 peratus.

Laporan Perdagangan Antarabangsa bagi bulan Oktober 2025 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.

Tepati sasaran 'Sebulan Sekali Khatam'

■ Berita dan Foto : Ihsan Masjid Kampung Sungai Besar

SUNGAI BESAR, Jumaat, 26 Disember. – Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Sungai Besar mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sebagai menzahirkan rasa kesyukuran setelah menepati sasaran 'Sebulan Sekali Khatam' sepanjang tahun 2025.

Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit selaku Penasihat I AJKT Masjid Kampung Sungai Besar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa syukur atas kejayaan penganjuran Majlis Khatam Al-Quran yang dilaksanakan secara istiqamah pada setiap bulan.

Menurutnya, majlis berkenaan mencerminkan komitmen tinggi AJKT dan Ahli Tadarus Subuh yang telah berperanan dalam menyemarakkan budaya membaca dan menghayati Al-Quran di masjid berkenaan.

"Alhamdulillah, saya yakin dengan kerjasama erat AJKT, jemaah serta para penduduk

kampung, usaha ini akan terus menjadi pemangkin kepada aktiviti keagamaan pada masa akan datang," ujarnya.

Turut hadir dan seterusnya menyertai majlis berkenaan ialah Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram; dan Penasihat II AJKT Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis Khatam kali Ke-12 bagi tahun 2025 itu bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara berjemaah, dan disusuli dengan bacaan surah-surah lazim bermula Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas yang dipimpin oleh Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin.

Bacaan Takhtim dan Doa Khatam dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Muhammad Rafiq bin Haji Matussin, yang seterusnya membaca Doa Tahliil serta membimbing bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.



SESI bergambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Masjid Kampung Sungai Besar.

MAJLIS PENGHARGAAN RAIKAN KOMITMEN, SUMBANGAN SUKARELAWAN CYSEC 2025



SEKITAR Majlis Malam Penghargaan Persidangan Keselamatan Siber Brunei (CYSEC) 2025 yang berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kanan).



■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Keselamatan Siber Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Disember. - Persatuan Keselamatan Siber Brunei (BCSA) menganjurkan Majlis Malam Penghargaan Persidangan Keselamatan Siber Brunei (CYSEC) 2025 bagi memberi pengiktirafan terhadap komitmen dan sumbangan sukarelawan

CYSEC 2024 dan 2025, selain menonjolkan peranan mereka dalam memajukan inisiatif keselamatan siber di seluruh rantau.

Majlis tersebut berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

Pada majlis itu, Naib Presiden CYSEC, Awang Azizul Hasrin, dalam ucapan alu-aluannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap kerja keras dan sumbangan para sukarelawan.

Beliau menekankan mengenai kepentingan usaha setiap sukarelawan yang bukan sahaja meningkatkan kejayaan inisiatif

CYSEC tetapi juga memainkan peranan penting dalam membina ekosistem keselamatan siber yang lebih kukuh.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian anugerah istimewa yang mengiktiraf individu cemerlang atas sumbangan luar biasa mereka, iaitu Dayang Zara Laila Cheong yang menerima 'Top

Women in Security ASEAN Region Awards 2025'; dan Awang Azizul Hasrin, penerima 'AJCCA Cyber Resilience Award'.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para sukarelawan sebagai pengiktirafan terhadap penglibatan dan dedikasi mereka yang berterusan.

Bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Muizzuddin Mahdi.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

3

PERJUMPAAN TINGKATKAN KECEMERLANGAN SEKOLAH, KESEJAHTERAAN WARGA



■ Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Disember. - Sekolah-sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) pada tahun ini menunjukkan potensi dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah yang positif dan pencapaian akademik yang sangat baik di bawah pimpinan guru-guru besar dan kewibawaan guru-guru sekolah masing-masing.

Pada perjumpaan Jawatankuasa Tertinggi (JKTT) PGGMB bersama guru-guru besar dan kepimpinan sekolah hari ini telah membincangkan pelbagai strategi dan usaha bagi mencapai kejayaan dan kecemerlangan sekolah pada tahun 2026.

Hadir dalam perjumpaan ini ialah Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Timbalan Yang Dipertua

PGGMB, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohammad; Pengerusi Tetap PGGMB, Dayang Hajah Hanipah binti Haji Apong; Setiausaha Agung PGGMB, Awang Yakub bin Haji Abd. Rahman, Jawatankuasa Tadbir, Unit Kira-Kira PGGMB, Guru-Guru Besar Sekolah, guru-guru kanan dan kerani sekolah-sekolah.

Perjumpaan mendengarkan ucapan daripada Yang Dipertua PGGMB, taklimat daripada Pengerusi Tetap PGGMB, Setiausaha Agung PGGMB dan sesi soal jawab dari guru-guru besar sekolah.

Perjumpaan tersebut berjaya menghasilkan perbincangan yang sangat positif dalam usaha berterusan meningkatkan kejayaan sekolah, kecemerlangan para murid dan kesejahteraan para guru dan kakitangan sekolah bagi tahun 2026 nanti.

SESI bergambar ramai pada majlis perjumpaan berkenaan.

Lebih 100 sertai Hobby Fest

■ Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad



HOBBY Fest kini kembali menghimpunkan watak-watak animasi serta penggemar-penggemar *cosplay* yang memeriahkan suasana dengan kostum unik dan kreatif (atas kiri dan bawah), sementara gambar atas kanan, di ruang Letak Kereta ICC menampilkan lebih 100 vendor menyertai Depoco Food Festival 2025 yang menyediakan pelbagai pilihan makanan dan minuman.

BERAKAS, Jumaat, 26 Disember. - Hobby Fest kini kembali menghimpunkan watak-watak animasi serta penggemar-penggemar *cosplay* yang memeriahkan suasana dengan kostum unik dan kreatif.

Acara yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas bermula hari ini hingga 28 Disember 2025 itu turut menawarkan pelbagai aktiviti menarik termasuk pameran hobi, permainan serta jualan barangan

koleksi unik.

Lebih 100 penyertaan terlibat dalam Hobby Fest yang mampu menarik perhatian pengunjung daripada semua peringkat umur, khususnya belia dan keluarga.

Selain memeriahkan suasana,

Hobby Fest turut menjadi platform untuk penggiat hobi mempamerkan

kreativiti mereka.

Komuniti *cosplay*, peminat permainan video, dan pencinta animasi diberi peluang menonjolkan kostum dan bakat mereka, sekali gus memperkenalkan hobi mereka kepada orang ramai.

Penganjuran festival ini juga berperanan mengeratkan hubungan sesama komuniti tempatan. Sebagai sebahagian dari Brunei December Festival, Hobby Fest menyumbang kepada memeriahkan kalendar acara hujung tahun negara.

Sementara itu, di ruang Letak Kereta ICC menampilkan lebih 100 vendor menyertai Depoco Food Festival 2025 yang menyediakan pelbagai pilihan makanan dan minuman.

Festival ini juga menjadi platform bagi pengusaha tempatan dan luar mempamerkan produk mereka.

Depoco Food Festival bukan sahaja merencanakan suasana hujung tahun tetapi turut menyokong komuniti dan industri makanan tempatan.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh percaya ka tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku ka ni?"

"ok ka tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar ka tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

TERUJA LAWAT MERCU TANDA NEGARA



KAPAL Norwegian Sun telah singgah di Negara Brunei Darussalam dengan membawa kira-kira 1,902 penumpang dan 910 anak kapal.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan**

>> Muka 1

Mereka juga dialu-alukan di Muara Cruise Ship Centre dengan pameran kraf tangan tempatan, produk anyaman, tekstil tradisional dan juadah tempatan, yang memberikan peluang bermakna kepada para penggiat seni tempatan serta perusahaan kecil untuk berinteraksi secara langsung dengan pelancong antarabangsa.

Para pelancong diberikan peluang menerokai mercu-mercu tanda terkenal negara termasuk Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Istana Nurul Iman serta pelayaran sungai yang indah.

Salah seorang penumpang yang

ditemui, Denise Smith dari New York City, menggambarkan NBD sebagai 'sangat bersih, sangat tenang dan sangat makmur' dan menambah bahawa beliau berasa selamat sepanjang lawatannya.

Leonard Sasin dari California, yang mengunjungi NBD buat pertama kali bersama isterinya, Ruth, berkongsi pengalaman positif dan mengesyorkan destinasi ini selepas mengikuti lawatan. Beliau juga menyatakan minat untuk kembali bagi menikmati kemudahan golf di negara ini.

Ketibaan sulung Norwegian Sun serta lawatan ulangan Costa Serena terus mengukuhkan reputasi NBD sebagai destinasi kapal persiaran yang sedang berkembang di Asia Tenggara.



PARA pelancong diberikan peluang menerokai mercu-mercu tanda terkenal negara antaranya Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Sebelum itu, pada bulan November, NBD turut menyambut lawatan kedua Kapal Blue Dream Melody yang membawa 1,154 penumpang dan 346 orang anak kapal.

Dengan sebanyak 14 ketibaan kapal persiaran direkodkan setakat tahun 2025, negara ini terus memperkukuh daya tarikannya dalam pelancongan kapal persiaran antarabangsa dan dijangka menutup kalendar pelayaran tahun ini dengan ketibaan Kapal Coral Geographer pada 28 Disember 2025.

Garage sale di kawasan perumahan semakin mendapat sambutan

■ **Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Disember. - Trend penganjuran *garage sale* di kawasan perumahan didapati semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat ketika ini, khususnya pada hujung minggu dan musim cuti, sebagai salah satu kaedah alternatif menjana pendapatan sampingan, di samping menggalakkan amalan penggunaan secara berhemah.

Tinjauan di beberapa kawasan perumahan mendapati, *garage sale* yang dianjurkan secara kecil-kecilan di halaman atau ruang hadapan rumah menjadi pilihan kerana pelaksanaannya yang mudah dan tidak memerlukan kos yang tinggi.

Keadaan ini secara tidak langsung memberi peluang kepada orang ramai untuk memanfaatkan barangan terpakai yang masih elok dan sesuai digunakan.

Pelbagai jenis barangan ditawarkan kepada orang ramai termasuk pakaian, kasut, beg, peralatan dapur, perabot kecil, permainan kanak-kanak serta buku-buku bacaan dengan harga yang berpatutan.

Pendekatan ini bukan sahaja membantu pembeli mendapatkan barangan keperluan pada harga lebih rendah, malah turut meringankan beban perbelanjaan isi rumah.

Menurut beberapa penganjur yang ditemui, promosi *garage sale* lazimnya dibuat melalui media sosial dan aplikasi pesanan ringkas bagi memaklumkan penduduk setempat, sekali gus memastikan kehadiran pengunjung yang lebih tersusun dan terhad kepada komuniti berhampiran.

Selain aspek ekonomi, penganjuran *garage sale* di kawasan perumahan juga dilihat berperanan mengeratkan hubungan keiranan apabila penduduk berpeluang berinteraksi secara langsung dalam suasana yang mesra dan harmoni.

Keadaan ini turut menyumbang kepada pembentukan semangat muafakat dan kebersamaan dalam komuniti setempat.

Di samping itu, trend ini juga menyokong usaha ke arah gaya hidup lestari dan pengurangan pembaziran, apabila barangan yang masih berfungsi tidak dibuang begitu sahaja, sebaliknya dimanfaatkan semula oleh pihak lain.

Orang ramai yang berhasrat untuk menganjurkan *garage sale* di kediaman masing-masing dinasihatkan agar sentiasa menjaga kebersihan, keselamatan dan ketenteraman awam serta mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi memastikan aktiviti tersebut berjalan dengan lancar tanpa menjejaskan kesejahteraan penduduk sekitar.



GARAGE sale menjadi salah satu kaedah alternatif menjana pendapatan sampingan, di samping menggalakkan amalan penggunaan secara berhemah.

Filem tempatan 'Cigu Jumat' pamer keprihatinan kebajikan pelajar

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Disember. - Seni Kreatif Production mempersembahkan satu hasil filem tempatan bertajuk 'Cigu Jumat' menentang aspek keprihatinan dan jiwa seorang pendidik terhadap kebajikan pelajar-pelajarnya.

Filem berdurasi 85 minit itu juga mengajar kita untuk sering ingat - mengingatkan masyarakat khususnya para ibu bapa pelajar dan pihak guru untuk saling berhubung rapat selain bekerjasama dalam sama-sama mendidik anak / pelajar.

Pengarah dan Penerbit Filem iaitu Awang Haji Mohammad Yunus bin Haji Md. Salleh semasa ditemui pada tayangan perdana di pawagam Aman Hills Cineplex hari ini menjelaskan, pembikinan filem arahnya itu memakan masa hampir setahun untuk menyiapkan sehingga selesai.

Awang Haji Mohammad Yunus yang juga mencetuskan idea / jalan cerita dan juga penulis skrip filem berkenaan berkata bahawa pemilihan para pelakon menerusi *audition* (sesi uji bakat) secara tertutup dan gabungan para pelakon lama dan baharu akan dapat mewujudkan satu peluang berkongsi pengalaman mereka untuk memberikan lakonan watak yang berkesan dalam menghasilkan satu mutu yang baik agar mesej itu sampai kepada audiens.

"Sementara itu, dari segi kos juga memainkan peranan penting, Alhamdulillah dengan adanya program yang diungkayahkan oleh pihak AITI menerusi Program Pitch and Produce 5.0 dengan sokongan



FILEM tempatan bertajuk 'Cigu Jumat' menentang aspek keprihatinan dan jiwa seorang pendidik terhadap kebajikan pelajar-pelajarnya.

■ **Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
Foto : Mohammad Hasif Matzin

pihak Oops! dapatlah memberikan peluang untuk berkarya dengan adanya dana yang boleh digunakan secara minimum serta beberapa syarikat dan individu turut menyokong dengan memberikan tajaan bagi filem ini berjaya dilaksanakan dengan baik dan sempurna," katanya lagi.

Beliau seterusnya berharap adanya filem 'Cigu Jumat' ini akan dapat membuka minda orang ramai khususnya masyarakat di negara ini akan memahami pengorbanan seseorang guru, tidak nampak di mata tetapi Allah yang nampak

keikhlasan mereka.

"Menjauhkan fitnah tular di zaman ini serta menjauhkan sifat dengki serta riak dalam kalangan warga kerja serta lupa akan nilai sebuah keikhlasan yang begitu besar ganjarannya," tambah beliau lagi.

Apa yang pasti filem ini sangat menyentuh di hati kita dan banyak yang dapat kita ambil pengajaran daripadanya. Datang dan berikan sokongan kepada filem tempatan kita agar dapat menghasilkan kualiti filem yang baik sekali gus mengembangkan lagi industri perfileman di negara ini.

RAIH GANJARAN PAHALA DI BULAN REJAB



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Disember. - Bulan Rejab merupakan salah satu bulan yang mulia dalam kalendar Islam, di mana umat Islam dianjurkan untuk meningkatkan ibadah dan amal soleh. Bulan ini dianggap sebagai bulan yang penuh berkat dan

KEBERKATAN bulan Rejab dapat diraih melalui berbagai amalan, seperti memperbanyak solat sunnah, membaca Al-Quran, bersedekah dan memperbaiki akhlak.

rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala serta menjadi waktu yang tepat untuk memperkuat lagi keimanan dan mendekatkan diri kepada-Nya.

Menurut ajaran Islam, bulan Rejab adalah salah satu dari bulan haram yang memiliki keistimewaan tersendiri. Oleh kerana itu, umat Islam disarankan untuk memperbanyak ibadah, doa, dan amalan baik selama bulan ini. Keberkatan bulan Rejab dapat diraih melalui berbagai amalan, seperti memperbanyak solat sunnah, membaca Al-Quran, bersedekah, dan memperbaiki akhlak. Selain itu, bulan ini juga merupakan masa yang tepat untuk memohon keampunan dan rahmat dari-Nya, serta berdoa agar

diberikan keberkatan dalam kehidupan dunia dan akhirat. Kita dianjurkan untuk memperbanyak istighfar dan memperbaiki hubungan dengan sesama manusia semasa bulan ini, kerana keberkatan bulan Rejab akan lebih terasa jika diiringi dengan niat tulus dan ikhlas.

Dengan melaksanakan amalan-amalan tersebut, umat Islam diharapkan dapat memperoleh keberkatan dan rahmat yang melimpah di bulan yang penuh

berkat ini. Maka dari itu, marilah kita memanfaatkan bulan Rejab sebagai kesempatan yang baik untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu serta kualiti ibadah kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan kata lain, bulan Rejab dianggap sebagai waktu yang sesuai untuk meningkatkan ibadah, beribadah dengan lebih ikhlas, dan memperbaiki amalan agama sebagai persediaan menghadapi bulan-bulan yang akan datang.

Festival tingkat pendapatan peniaga, perkasa daya tahan ekonomi



SUNGAI HANCHING, Rabu, 24 Disember. - Bersempena Pesta Disember Brunei (Brunei December Festival - BDF), OneCity Shopping Centre menganjurkan Food Bazaar buat kali kedua bertempat di Tingkat 1, pusat membeli-belah berkenaan.

Food Bazaar berkenaan akan berlangsung selama empat hari bermula 24 Disember hingga Ahad 28 Disember 2025 bermula jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam dan disertai oleh 40 vendor tempatan.

Salah seorang peserta vendor, Marini binti Aliasin dari Erti Kafe, berkata sambutan orang ramai, khususnya pada waktu makan tengah hari, amat memberangsangkan. Menurutnya, orang ramai mula berpusu-pusu mengunjungi bazar berkenaan.

Sementara itu, seorang pengunjung, Najib bin Ibrahim dari Kampung Katok menyatakan bahawa penganjuran bazar berkenaan merupakan satu inisiatif yang amat baik dalam menyokong dan memperkasa penglibatan anak tempatan dalam bidang keusahawanan.

Usaha seumpama ini terangnyanya, bukan sahaja membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat, malah turut menggalakkan orang ramai untuk berbelanja di dalam negara, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan dan pengukuhan ekonomi tempatan.

Penganjuran BDF memberikan impak yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi negara dengan merancakkan aktiviti perniagaan, khususnya dalam kalangan usahawan dan peniaga tempatan.

Festival ini bukan sahaja membantu meningkatkan pendapatan peniaga, malah turut menyokong perkembangan

SEORANG pengunjung, Najib bin Ibrahim dari Kampung Katok (kanan). Sementara gambar kanan sekali, festival ini bukan sahaja membantu meningkatkan pendapatan peniaga, malah turut menyokong perkembangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana.


Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad



MARINI binti Aliasin dari Erti Kafe semasa ditemu bual (atas). Manakala gambar atas kiri, salah satu perusahaan yang turut serta pada Food Bazaar tersebut.


Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), sekali gus menyumbang kepada kestabilan dan daya tahan ekonomi negara.






ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat




PANDU DENGAN PERLAHAN. KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN AWDA MELUNCUR

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49
68

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn



DEPOCO FOOD FESTIVAL PERKUKUH PENJENAMAAN PRODUK TEMPATAN

BERAKAS, Jumaat, 26 Disember. – Penyertaan vendor tempatan dan luar negara berjaya memeriahkan Depoco Food Festival yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas yang telah bermula pada 24 hingga 28 Disember, sekali gus menarik kehadiran ramai pengunjung, khususnya sempena musim cuti sekolah.

Antara vendor tempatan yang mengambil bahagian ialah Awang Mohamad Asraf Fadlee Aman, 41 tahun, pengusaha Roti Goreng Bonda Acap, yang menyifatkan penyertaan dalam festival berkenaan sebagai platform berkesan untuk memperkukuh penjenamaan produk tempatan.

Menurutnya, persaingan bersama vendor luar negara, terutama dari segi harga dan

dekorasi gerai, merupakan cabaran utama, namun pada masa yang sama mendorong peniaga tempatan untuk lebih kreatif dan inovatif.

Beliau menjelaskan bahawa Roti Goreng Bonda Acap diinspirasi daripada konsep Pocket Bread versi tempatan, menggunakan roti paun goreng yang diisi dengan pelbagai jenis inti sebagai identiti utama jenama. Perniagaan tersebut bermula pada tahun 2018 dan berkembang secara berperingkat hasil kesungguhan serta keberanian mencuba dalam bidang keusahawanan.

Sementara itu, Risteena Munim, salah seorang vendor dari Malaysia, berkongsi pengalaman penyertaan kali kedua beliau dalam festival makanan di Negara

Brunei Darussalam.

Menurutnya, sambutan pengunjung amat menggalakkan sejak hari pertama, dengan beberapa jenis dan haruman minyak wangi yang dipromosikan habis terjual (*sold out*). Selain itu, produk 'Cake in a Bowl' yang turut ditawarkan juga mendapat sambutan daripada pengunjung.

Beliau turut menyatakan bahawa penyertaan vendor luar negara memberi nilai tambah kepada pesta makanan tersebut kerana membuka peluang kepada orang ramai untuk menikmati kepelbagaian makanan dan produk dari dalam dan luar negara, di samping mewujudkan pertukaran budaya dan pengalaman antara peniaga.

Dalam perkembangan yang sama, Dayang Ilya Nuur Awana binti Haji Muhd. Arpan, anak kepada pemilik jenama tempatan Ubi Senyum, menyatakan bahawa kehadiran pelbagai vendor tempatan dan luar negara menjadikan Depoco Food Festival lebih meriah serta berperanan sebagai platform sokongan kepada usahawan tempatan.

Jelasnya, jenama Ubi Senyum

DAYANG Ilya Nuur Awana binti Haji Muhd. Arpan, anak kepada pemilik jenama tempatan Ubi Senyum dan Risteena Munim, salah seorang vendor dari Malaysia (kiri sekali dan kiri).

■ **Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

yang diperkenalkan pada tahun 2024 kini semakin dikenali selepas mendapat perhatian dan tular (*viral*) di platform media sosial.

Beliau menambah, Depoco Food Festival bukan sahaja berfungsi sebagai platform keusahawanan, malah berperanan memperkukuh hubungan antara vendor tempatan dan luar negara melalui industri makanan dan minuman, di samping menggalakkan semangat tidak mudah berputus asa dalam kalangan peniaga.

AWANG Mohamad Asraf Fadlee Aman, pengusaha Roti Goreng Bonda Acap.



Utamakan kesihatan, elakkan penggunaan vape

■ **Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Disember. - Penggunaan peranti rokok elektronik atau vape semakin sering terlihat dalam lingkungan masyarakat.

Banyak yang menganggap ia sebagai alternatif yang lebih rendah risikonya berbanding rokok biasa dan ada pula yang menganggap ia salah satu cara untuk mengurangkan atau menghentikan tabiat merokok.

Namun, vape tetap mengandungi nikotin dan berbagai zat kimia lainnya yang boleh menyebabkan rasa ketagih atau kecanduan dan kemudiannya memudaratkan penggunaannya sekali gus mengundang berbagai - bagai jenis penyakit meskipun kesannya akan memakan masa yang lama.

Selain menyebabkan kecanduan, penggunaan vape dapat mengganggu kesihatan paru-paru.

Saluran pernafasan dapat mengalami iritasi akibat asap yang dihasilkan melalui vape.

Di samping itu, penggunaan vape juga dapat menimbulkan masalah pada kesihatan jantung serta meningkatkan tekanan darah dan denyut jantung.

Dalam jangka panjang pula, risiko mengalami gangguan pernafasan juga turut menjadi lebih serius pada pengguna yang rutin menghirup asap vape.

Sehubungan dengan perkara ini, Kementerian Kesihatan sentiasa mengingatkan orang ramai untuk sentiasa menjaga kesihatan dan menegaskan tentang larangan menggunakan vape tersebut, di samping kesan dan risiko yang bakal dihadapi oleh penggunaannya.

Oleh kerana itu, masyarakat perlu memahami bahawa peranti rokok elektronik atau vape tidak sepenuhnya selamat.

Mengetahui risiko yang ada adalah penting untuk mencegah pengaruh buruk terhadap kesihatan dalam jangka panjang.

Kesedaran dan pencegahan harus dilakukan secara menyeluruh untuk melindungi kesihatan masyarakat dengan memberikan informasi yang tepat akan mendorong masyarakat memilih cara hidup yang lebih sihat.



KEMENTERIAN Kesihatan sentiasa mengingatkan orang ramai untuk sentiasa menjaga kesihatan dan menegaskan tentang larangan menggunakan vape tersebut, di samping kesan dan risiko yang bakal dihadapi oleh penggunaannya.

Program Pembangunan Belia Sesi 2026 kini dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Disember. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) kini membukakan permohonan bagi mengikuti Program Pembangunan Belia Sesi 2026.

Program tersebut terbuka kepada belia yang berminat meningkatkan kemahiran teknikal dan vokasional untuk kerjaya masa depan.

Senarai kursus yang ditawarkan termasuk Level 2 Diploma in Food Preparation & Culinary Arts; Level 2 Diploma in Food Preparation & Culinary Arts - Patisserie; Level 1 Diploma in Accident Repair Body; ITQ Level 1 for IT Users; Level 1 Certificate in Engineering - Fabrication and Welding Technology; Skills Proficiency Certificate in Basic Refrigeration and Air Conditioning; Skills Proficiency Certificate in Basic Plumbing; Skills Proficiency Certificate in Basic Food Preparation; Kursus Asas Kemahiran Rekaan Fesyen Teknologi; dan Kursus Asas Kemahiran Terapi Kecantikan.

Calon-calon yang berminat boleh mendapatkan borang permohonan di PPB, Jalan Utama Tanah Jambu pada waktu bekerja.

Tarikh tutup permohonan pada Selasa, 31 Mac 2026 jam 4.00 petang.

■ **Oleh : Haniza Abdul Latif**
Infografik : Pusat Pembangunan Belia

PENDAFATARAN KEMASUKAN BAHARU
PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA SESI 2026

KURSUS YANG DITAWARKAN:

- Level 2 Diploma in Food Preparation & Culinary Arts
- Level 2 Diploma in Food Preparation & Culinary Arts - Patisserie
- Level 1 Diploma in Accident Repair Body
- ITQ Level 1 For IT Users.
- Level 1 Certificate in Engineering-Fabrication And Welding Technology
- Skills Proficiency Certificate in Basic Refrigeration And Air Conditioning
- Skills Proficiency Certificate in Basic Plumbing
- Skills Proficiency Certificate in Basic Food Preparation
- Kursus Asas Kemahiran Rekaan Fesyen Teknologi
- Kursus Asas Kemahiran Terapi Kecantikan

Dapatkan borang permohonan di Pusat Pembangunan Belia, Jalan Utama Tanah Jambu pada waktu bekerja.

Tarikh Tutup Permohonan
Selasa, 31 Mac 2026, jam 4.00 petang

JOM DAFTAR PPB



SILA IMBAS UNTUK
KHUTBAH LENGKAP

KEAJAIBAN SEDEKAH

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 05 Rejab 1447H / 26 Disember 2025M



جیاتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TERDAPAT BANYAK **KELEBIHAN DAN KEISTIMEWAAN** YANG TELAH ALLAH S.W.T JANJIKAN KEPADA ORANG YANG SERING **BERSEDEKAH & MEMBELANJAKAN HARTA MEREKA PADA JALAN ALLAH S.W.T**, ANTARANYA:



- Dosa dapat dihapuskan
- Bertambahnya keberkatan
- Keluasan rezeki dari jalan yang tidak disangka-sangka



Ilmu yang diajarkan, khidmat yang bermanfaat, tenaga yang dihulurkan & pertolongan yang meringankan orang lain

Semua itu dinilai sedekah dan akan dibalas Allah S.W.T dengan balasan yang lebih baik serta dibuka pintu-pintu rezeki bagi yang ikhlas



Sedekah dapat menjadi sebab penolak bala, membawa penawar dan ubat bagi penyakit



Orang yang sering bersedekah akan memperoleh naungan Allah S.W.T pada hari akhirat, membantu dan melindungi diri daripada azab api neraka & disediakan pintu syurga yang khas



Bersedekah juga membentuk amalan mulia iaitu menghilangkan sifat sombong, sifat kedekut dan bakhil serta menyucikan jiwa daripada cinta dunia yang berlebihan

Keajaiban sedekah



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Rezeki adalah antara perkara yang menjadi rahsia Allah Subhanahu Wata'ala. Tidak ada seseorang pun di dunia ini yang mengetahui tentang rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya, sama ada banyak ataupun sedikit. Namun apa yang pasti, setiap makhluk yang hidup di muka bumi ini telah dijamin rezekinya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Apabila Allah Subhanahu Wata'ala melapangkan rezeki kita dan mengurniakan kita harta yang lebih, ia bukanlah untuk kita bermegah-megah atau boros berbelanja, akan tetapi untuk kita lebih memberi. Ini kerana dalam setiap rezeki atau harta yang kita peroleh itu terdapat juga hak orang lain di dalamnya. Rezeki yang kita peroleh bukan hanya digunakan untuk kepentingan diri kita sendiri, akan tetapi ia juga boleh dimanfaatkan untuk diinfakkan ke jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala iaitu dengan cara bersedekah, menderma, mengeluarkan zakat, berwakaf dan seumpamanya.

Dalam agama Islam, kita amat digalakkan untuk bersedekah dan bantu-membantu antara satu sama lain. Anjuran membelanjakan harta di jalan Allah Subhanahu Wata'ala dijelaskan di dalam Al-Quran, sebagaimana dalam Surah Al-Munafiqun, ayat 10 :

Tafsirnya : "Dan belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang

Kami kurniakan kepada kamu sebelum kematian datang kepada salah seorang daripada kamu lalu dia pun berkata : "Ya Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau tangguhkan kematianku hingga beberapa waktu lagi supaya aku dapat bersedekah dan aku termasuk dalam golongan orang-orang soleh".

Terdapat banyak kelebihan dan keistimewaan yang telah Allah Subhanahu Wata'ala janjikan kepada orang yang sering bersedekah dan membelanjakan harta mereka pada jalan Allah Subhanahu Wata'ala, antaranya ialah dosa dapat dihapuskan melalui bersedekah, sebahagian firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 271 :

Tafsirnya : "Jika kamu zahirkan sedekah-sedekah itu maka yang sedemikian adalah baik. Dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang fakir maka ia adalah (lebih) baik bagi kamu. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan".

Sesungguhnya sedekah tidak akan mengurangkan harta bahkan ia menjadi sebab bertambahnya keberkatan dan keluasan rezeki dari jalan yang tidak disangka-sangka. Ini sebahagian dalam sebuah hadis, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sedekah tidak akan mengurangi harta". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Dan sedekah itu pula setentunya tidak terhad pada wang atau harta sahaja bahkan termasuk juga ilmu yang diajarkan, khidmat yang bermanfaat, tenaga yang dihulurkan dan pertolongan yang meringankan orang lain. Semua itu dinilai sedekah dan akan dibalas Allah Subhanahu Wata'ala dengan balasan yang lebih baik serta dibukakan pintu-pintu rezeki bagi yang ikhlas.

Selain itu, bersedekah juga merupakan amalan yang besar faedahnya. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, sedekah dapat menjadi sebab penolak bala, membawa penawar dan ubat bagi penyakit, orang yang sering bersedekah juga akan memperoleh naungan Allah Subhanahu Wata'ala pada hari akhirat, membantu dan melindungi diri daripada azab api neraka dan disediakan pintu syurga yang khas hanya akan dapat dimasuki oleh orang yang bersedekah. Bersedekah juga membentuk amalan yang mulia : Menghilangkan sifat sombong, sifat kedekut dan bakhil serta menyucikan jiwa daripada cinta dunia yang berlebihan. Maka kukuhkanlah amalan sedekah kerana padanya ada penolak bala dan dengannya Allah Subhanahu Wata'ala melindungi kita daripada kejahatan dan

musibah.

Bagi mencapai kesempurnaan amalan bersedekah, ada tiga perkara yang perlu diketahui :

Pertama : Barang yang disedekahkan itu hendaklah baik dan elok. Adalah tidak wajar sekiranya benda yang disedekahkan itu jika disedekahkan kepada kita, kita sendiri tidak menyukainya dan tidak rela menerimanya. Biarlah yang disedekahkan itu daripada benda-benda yang disenangi oleh penerimanya kerana itulah Allah Subhanahu Wata'ala melarang bersedekah dengan benda-benda yang tidak baik. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 267 : yang tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada (harta kamu) yang baik-baik (hasil daripada) apa yang kamu usahakan dan sebahagian daripada apa yang Kami telah keluarkan untuk kamu dari bumi (seperti biji-biji, buah-buahan dan galian). Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (sebagai zakat dan sedekah) sedangkan kamu sendiri tidak akan mengambil yang buruk itu (kalau ia diberikan kepada kamu) kecuali kalau kamu terpaksa menerimanya dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji".

Kedua : Sesuatu yang disedekahkan itu hendaklah daripada yang halal, bukan haram atau syubhah.

Ketiga : Adalah sunat bagi pemberi sedekah itu bersedekah daripada benda-benda yang disukai dan disayanginya. Ini jelas sebahagian firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 92 yang tafsirnya : "Kamu sekali-kali tidak akan dapat mencapai (hakikat) kebaktian (yang sempurna) hingga kamu menafkahkan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan itu maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui".

Perlu diingat juga, jika kita bersedekah, maka hendaklah disertai dengan keikhlasan, bukan dengan mengungkit-ungkit dan menyakiti orang yang menerima sedekah kerana perbuatan sedemikian hukumnya adalah haram dan merosakkan amalan bersedekah itu. Hal ini ada dijelaskan dalam Al-Quran sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 264 yang tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu merosakkan (pahala) sedekah-sedekah kamu dengan mengungkit dan meyakini seperti (rosaknya pahala) orang yang membelanjakan hartanya kerana riyak (menunjuk-nunjuk)

kepada manusia dan dia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka perumpamaan orang itu adalah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya kemudian batu itu ditimpa hujan yang lebat sehingga menjadikannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang kafir dan riyak itu), mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun daripada apa yang mereka usahakan. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang kafir".

Alhamdulillah, di negara kita Brunei Darussalam, peluang untuk bersedekah atau menginfakkan harta bagi membina masjid ada disediakan melalui Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid, Negara Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, orang ramai khususnya rakyat dan penduduk di negara ini adalah diseru untuk sama-sama mengambil peluang dan kesempatan keemasan ini untuk melakukan amal jariah dan menanam saham di akhirat.

Sumbangan kepada tabung berkenaan bolehlah dibuat melalui pemotongan wang melalui arahan tetap kepada bank, pemotongan gaji bagi pegawai dan kakitangan kerajaan, sumbangan secara terus ke dalam akaun tabung dana, menyerahkan sumbangan ke Jabatan Hal Ehwal Masjid, menderma melalui tabung-tabung dana yang diletakkan di tempat-tempat tertentu seperti masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, bangunan-bangunan tertentu, perkhidmatan pesanan ringkas dan sebagainya.

Sesungguhnya amalan bersedekah amat digalakkan oleh agama Islam. Ia mempunyai banyak kelebihan dan keajaiban. Mereka yang melakukannya dikasihi oleh Allah Subhanahu Wata'ala manakala orang yang bersifat bakhil atau kedekut pula sangat dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan akan diberikan balasan seksa yang pedih di akhirat kelak. Oleh yang demikian, marilah kita mengambil peluang dengan membelanjakan sebahagian harta yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita dengan bersedekah. Kita berdoa semoga kita semua dikurniakan sifat pemurah dan dijauhkan daripada sifat kedekut. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan kamu tidak pula membelanjakan (sesuatu) melainkan kerana mengharapkan keredaan Allah. Dan apa jua harta yang kamu belanjakan, akan disempurnakan (ganjaran pahalanya) kepada kamu. Dan kamu pula tidak dianiyai (tidak dikurangkan pahala)". (Surah Al-Baqarah, ayat 272)

Makluman penutupan cawangan TAP

Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penutupan cawangan dan perkhidmatan TAP pada hari-hari yang telah ditetapkan.

Pada 31 Disember, Kaunter Pembayaran Ibu Pejabat TAP dan semua cawangan di Kuala Belait, Tutong dan Temburong akan ditutup.

Manakala perkhidmatan-perkhidmatan TAP iaitu Kaunter Pendaftaran, Kaunter Pertanyaan, Kaunter Pengeluaran, Pusat Panggilan TAP, e-Amanah Pitstop dan Kiosk e-Info TAP akan beroperasi pada hari

tersebut.

Perkhidmatan - perkhidmatan berkenaan di Ibu Pejabat TAP dan cawangan Kuala Belait dibuka dari 8.00 pagi hingga 3.30 petang, sementara cawangan TAP di Daerah Tutong dan Daerah Temburong akan beroperasi bermula dari 8.00 pagi hingga 11.30 pagi; dan 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Pada 1 Januari 2026 pula, semua kaunter di Ibu Pejabat TAP dan semua cawangan di Kuala Belait, Tutong dan Temburong akan ditutup.

Bagi Ahli Skim Tabungan Perumahan (STP), pembayaran

caruman bagi bulan Disember 2025 bolehlah dibuat melalui perbankan dalam talian selewat-lewatnya pada Rabu, 31 Disember 2025.

Kesemua cawangan TAP akan kembali beroperasi seperti biasa pada Jumaat, 2 Januari 2026.

Pihak TAP amat menghargai kerjasama yang diberikan dan untuk sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2722929 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel di ask@tap.com.bn.

Bagi mengetahui perkembangan terkini, ikuti laman media sosial TAP melalui Facebook atau [@TAP_Brunei](https://www.facebook.com/TAP_Brunei) melalui Instagram.

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **حَفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقْضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ ممباوا كبراونتوغن ساحت بسر كقد فثعملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam**

Kelas:
III, IV atau V

Kategori:
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Sabtu
3 Januari 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam

JASTRE / BL / T032 / 2025
Kerja-Kerja Penambahbaikan
Dan Pemeliharaan Landskap Di
Kawasan Landskap Baru Di
Lebuhraya Tungku (Phase 2)

No. Projek:
JASTRE / BL / T032 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Kenyataan Tawaran

**Bilangan dan Tajuk Tawaran /
Sebut Harga:**
(156) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)
Pembekalan Bingkai (Frame)
Ukuran A3

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 8 Januari 2026,
Jam 8.00 Pagi



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam**

Kelas:
II, III, IV atau V

Kategori:
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran:**
Sabtu 6 Januari 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa 13 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan Terbang
Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam

JASTRE / BTR / T027 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan
Landskap Di Taman Rekreasi
Menteri Besar Bagi Tempoh Dua
(2) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BTR / T027 / 2025

JASTRE / BTR / T028 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan
Landskap Di Taman Rekreasi
Pantai Serasa Bagi Tempoh Dua
(02) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BTR / T028 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



جانبی چولیا برونی دارالسلام



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Tawaran Bagi
The Supply, Delivery,
Installation, Testing And
Commissioning Of
Upper Air Sonde And
Radiosonde System To
Brunei Darussalam
Meteorological Department**

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2025 / LTK-01

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 Mac 2026

Kepada:
The Chairman,
Mini Tender Board,
Ministry of Transport and
Infocommunications,
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Unit Perhubungan Awam,
Bahagian Perkhidmatan
Korporat
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Tajuk Iklan
Invitation For Expression Of
Interests And Pre-Qualification For
Multiple RKN 12 Projects In
Department Of Electrical Services.

Tarikh Tutup:
Khamis,
8 Januari 2026

For any EOI related queries, kindly
email des.sppm@des.gov.bn.



**KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q18
Invitation To Supply And Delivery
Of Warranty Extension For
Dell Server For
Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap
E-Dokumen Sebut Harga:**
BND9.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:**
Khamis,
8 Januari 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
12 Januari 2026
Jam 9.00 Pagi



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 127 / 2025
Provision Of Subject Matter Expert
For Project Section Department Of
Electrical Services For A Duration
Of Twenty Four (24) Months

Tarikh Tutup:
Selasa, 6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 074 / 2025
Pengukuhan Sistem Rangkaian
11KV Di Kawasan Rimba Dan
Berakas

Tarikh Tutup:
Selasa,
20 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Nama Dokumen
Sebut Harga:**
25 / DBP / SH / 2025-2026
Mencetak Buku Terbitan Dewan
Bahasa Dan Pustaka Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga /
Tawaran:**
Rabu,
31 Disember 2025



Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
27 / DBP / SH / 2025-2026
Pembekalan Dan Pemasangan
Solar LED Flood Lights Dewan
Bahasa Dan Pustaka,
Berakas.

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
8 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI 1 BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN 1 WWW.SPA.GOV.BN

**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi
syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**





**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / LIB / 01-12 / 2025-2026

Pembekalan Buku Rujukan Bagi Kegunaan Perpustakaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / IPRC / 01-12 / 2025-2026

Membekal Dan Menghantar Plaque With Box Bagi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / IPRC / 02-12 / 2025-2026

Membekal Dan Menghantar Kamera Dan Peralatan Bagi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,
10 Rejab 1447H /
31 Disember 2025M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 01-07 / 2025-2026(ii)

Requotation To Supply, Install, Testing And Commissioning Of New Air-Conditioning Units At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan – Phase One

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / LTK / BHEP / 01-12 / 2025-2026

Tawaran Penyajian Makan Dan Minum Asrama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
9 Rejab 1447H / 30 Disember 2025M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PBD / 01-12 / 2025-2026

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Peralatan Pejabat Bagi Kegunaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / CRP / 01-12 / 2025-2026

Sebut Harga Bagi Mencetak, Membekal Dan Menghantar Fail Dan Sampul Surat Bagi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,
7 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



25 Oktober 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh **Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh:
4 Disember 2025

Kes No.
BCY / CP / 497 / 2017

BIBD At-Tamwil Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Haji Zulkifli Bin Haji Ismail
BYIC NO. 00-262072
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 November 2025.**

Nama dan alamat Bankrap:
Haji Zulkifli Bin Haji Ismail
No. 115, E,
Kampung Setia A, BK1525,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
16 Oktober 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai**



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 69 / 2025

Pg Mustapa Bin Pg Haji Besar
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
BYIC NO. 00-061528
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 21 Jun 2025.

Nama dan alamat terakhir
diketahui:
Pg Mustapa Bin Pg Haji Besar
No. 21, Simpang 273,
Kampung Sengkurong A.
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
8 Mei 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Bertarikh:
4 Disember 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan

bertarikh 21 Jun 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 24 Disember 2025 jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **24 Disember 2025 jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
4 Disember 2025

Kes No.
BCY / CP / 196 / 2020

Ponnusamy Rajapandian
Pemiutang / Pemetisyen

Haji Awg Mohd Hussaini Bin
Hj Awg Ahmad
[BYIC NO. 00-126011]
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **27 November 2025.**

Nama dan alamat Bankrap:
Haji Awg Mohd Hussaini Bin
Hj Awg Ahmad
No. 8, Kampung Kianggeh,
Bandar Seri Begawan. BE 8111.
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MFA / DPP / 03 / 2025
Supply And Delivery Helicopter
- Underslung With Load
Equipments:-

- a) Strop (Husle Lifting, Single Leg 6M 460) – 2 Units
- b) Cargo Net (Net-Husle, SWL 4536 KG (10000LB) – 3 Units
- c) Cargo Net (Net - Husle, SWL 2268 KG (5000LB) – 3 Units

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
30 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

UNISSA / LTK / RKN-PTM(01) / 2026

The Design, Development, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning And Maintenance Of Project Smart University (Phase 1)
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa
24 Februari 2026
Jam 12.00 Tengahari



Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Tarikh:
24 November 2025

Muhammad Syafiq Bin Awang
Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 78 / 2025

>> Muka 15

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
Pemutang Penghakiman / Pemetisyeen

Najibah Binti Haji Janudin
BYIC No. 00-318048
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **6 November 2025**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Najibah Binti Haji Janudin
No. 80A, Simpang 80,
Kampung Mulaut,
Tanjung Nangka,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyeen:
12 Ogos 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Tarikh:
12 November 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **6 November 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 15 Januari 2026 jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **15 Januari 2026 jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-hal nya dan juga sebab keagalannya.

Tarikh:
12 November 2025

Kes No.
BCY / CP / 114 / 2025

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
Pemutang Penghakiman / Pemetisyeen

Jamil Bin Tassim

BYIC No. 00-128572
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **6 November 2025**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Jamil Bin Tassim
No. 14, Simpang 326-5,
Kg. Perpindahan Serasa,
Muara BT1728,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyeen:
18 Oktober 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Tarikh:
12 November 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **6 November 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 15 Januari 2026 jam 9.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **15 Januari 2026 jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-hal nya dan juga sebab keagalannya.

Tarikh:
12 November 2025

Kes No.
BCY / CP / 138 / 2025

Baiduri Finance Berhad
Pemutang Penghakiman / Pemetisyeen

Noor A'idi Bin Haji Garip
BYIC No. 01-045885
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah



58 / BBS / SH / BKA / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Pada Gerai Makan Umum No. 5, Bangunan Gerai Bunga Simpung Kuala Belait, Jalan Bunga Simpung, Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II, Kategori KA01 dan B01)

59 / BBS / SH / BKA / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Pembersihan Saluran Perangkap Lantai Tersumbat Di Tandas Awam Jalan Bunga Tanjung Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II, Kategori S01)

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
30 Disember 2025 (Selasa)



dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **6 November 2025**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Noor A'idi Bin Haji Garip
No. 2, Simpang 835-18-1,
Kg. Tanah Jambu, Jalan Muara,,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyeen:
20 September 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Tarikh:
24 November 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **6 November 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di



سور وھنجاي فر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan** (Depositi / pangkat serta saiz / bidang kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (Tajuk, transkrip dan pengiraan Paji Kelulusan Pengiraan Kelulusan PSCR) yang berkaitan
4. **Tandas "1" / "2" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
5. **Lengkapkan Maklumat** (Borang / perincian / Perincian Perkhidmatan Awam / Isian khusus / kelulusan profesional dan lain-lain yang dipertingkatkan di dalam dan luar)

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2. **Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelulusan skim iklan akan ditolak.**



 +673 7371961
  PSC.BN
  query@spa.gov.bn





	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	PEKERJA AM TINGKAT I KEMENTERIAN KESIHATAN E 1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2025/DEC/01/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	27	7(A)	03 JANUARI 2025
2.	PENOLONG PENGARAH JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2025/DEC/02/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	38(A)	03 JANUARI 2025
3.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II JABATAN PENGURUSAN PENDIDIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/DEC/01/KPDK	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	01	7(A)	03 JANUARI 2025
4.	PEMBANTU PERUSAHAAN KAMPONG JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN D.1-2 EB.3-4 (BAHAGIAN IV) 2025/DEC/02/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	02	7(A)	03 JANUARI 2025
5.	PENGURUS TEKNIK STUDIO JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI B.2 (BAHAGIAN II) 2025/DEC/02/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(B)	03 JANUARI 2025
6.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/DEC/04/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	7(A)	05 JANUARI 2025
7.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/DEC/05/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	05 JANUARI 2025
8.	PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT II PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/DEC/03/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	05 JANUARI 2025
9.	PEGAWAI BAHASA KANAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN B.3 (BAHAGIAN II) 2025/DEC/01/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	38(A)	05 JANUARI 2025

PERINGATAN:

1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG: SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0. KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".

2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLARSIKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.

3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN.

Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 15 Januari 2026 jam 9.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **15 Januari 2026 jam 9.30 Pagi di**

Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-hal nya dan juga sebab keagalannya.

Tarikh:
24 November 2025

Pg Siti Nursu'aidah Binti Pg
Jufrihar @ Pg Tajuddin
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
b/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



جوالن ساليينن كمبير ٢ ديكيتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنتین کصیحت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebij
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebij ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

LESTARIKAN WARISAN SENI MENAMBAT DASTAR

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Disember. - Seni gubahan menambat dastar bukan sekadar warisan dan budaya masyarakat Melayu tetapi pemakaian dastar tersebut juga melambangkan status serta peranan individu terutama dalam acara majlis beristiadat dan perkahwinan.

Salah seorang tokoh yang tekun memelihara seni menambat dastar, warisan penting bangsa dan budaya, ialah Penghulu Haji Bakar Mansor, yang kini berusia 78 tahun.

Beliau bukan sahaja mahir dalam seni menambat dastar, malah turut memelihara warisan ini agar dapat dipelajari oleh generasi kini dan

akan datang.

Lahir dan membesar di Kampung Kasat, Penghulu Haji Bakar Mansor mula bergiat dalam seni menambat dastar sejak era 1970-an, apabila beliau kerap dijemput bagi membantu penduduk kampung dalam pelbagai acara termasuk majlis perkahwinan, program sekolah serta kegiatan kemasyarakatan lain.

Ketelitian dan keterlibatannya dalam menambat dastar dalam pelbagai majlis telah menumbuhkan minat beliau terhadap seni ini, yang berkembang secara perlahan melalui penelitian dan pengalaman.

Menariknya, Penghulu Haji Bakar tidak pernah mengikuti

sebarang latihan formal dalam seni menambat dastar. Sebaliknya, ilmu yang dimilikinya diperoleh daripada kepekaan dan pemerhatian terhadap contoh-contoh gubahan dastar yang lazim dipakai dalam majlis kenegaraan, perkahwinan, adat kemelayuan, persilatan serta pelbagai acara rasmi. Beliau memerhati cara dastar digubah, cara pemakaiannya dan makna di sebalik setiap lipatan.

Terdorong oleh minat yang mendalam, beliau belajar sendiri sehingga perlahan-lahan menjadi mahir dalam menambat dastar.

Walaupun teknik lipatan asas hampir sama, gubahan sering disesuaikan mengikut cita rasa dan permintaan pelanggan termasuk untuk melambangkan status seseorang dalam majlis beradat dan beristiadat.

Selain itu, bentuk wajah pemakai turut diambil kira. Bagi wajah bujur sirih, gubahan dastar dibuat lebih rendah, manakala bagi bentuk muka lain, ketinggian dastar disesuaikan agar kelihatan seimbang dan kemas.

Mengimbau amalan zaman dahulu, beliau menjelaskan bahawa dastar pengantin pada masa lalu tidak dibuat secara kekal seperti hari ini. Ia digubah menggunakan kain ketika hendak dipakai dan dibuka semula selepas digunakan.

Begitu juga pemakaian harian, seperti ketika bekerja, kain tengkulok akan diikat di kepala dan dibuka setelah selesai.

Selepas bersara daripada alam pekerjaan, Penghulu Haji Bakar semakin aktif dalam seni menambat dastar. Beliau bukan

sahaja menghasilkan dan menyewakan dastar, malah turut dijemput mengendalikan bengkel dan kursus di pelbagai institusi termasuk Universiti Brunei Darussalam (UBD), sekolah-sekolah menengah, persatuan, jabatan kerajaan serta kampung-kampung, sama ada di dalam mahupun di luar negara seperti Sabah dan Sarawak.

Selain itu, beliau turut menyumbangkan dastar kepada sekolah-sekolah untuk kegunaan rasmi.

Dalam usaha menyebarkan ilmu ini, Penghulu Haji Bakar sering mengendalikan kursus menambat dastar dan menaphi sinjang.

Penganjur biasanya menetapkan nama kumpulan, masa, tempat, tarikh serta jumlah peserta, manakala beliau menyediakan peralatan kursus termasuk kain

dastar dan sijil penyertaan sebagai pengendali bengkel.

Beliau turut menekankan kepentingan tatacara pemakaian dastar, khususnya lipatan dan kedudukan dastar, yang harus sejajar dengan telinga kanan dan hampir menyentuh telinga pemakai, bagi memastikan penampilan yang sempurna dan berwibawa.

Bagi Penghulu Haji Bakar, seni menambat dastar wajar dikekalkan dan terus diminati oleh generasi kini.

Beliau juga bersyukur kerana sambutan terhadap kursus dan bengkel yang dianjurkan amat menggalakkan, dengan penyertaan daripada golongan belia, remaja, warga emas serta kaum wanita, sekali gus membuktikan seni warisan ini masih relevan dan dihargai oleh masyarakat pelbagai lapisan.



SALAH seorang tokoh yang tekun memelihara seni menambat dastar, warisan penting bangsa dan budaya, ialah Penghulu Haji Bakar Mansor (atas), manakala gambar kanan, antara koleksi dastar yang ditambah oleh beliau.



Patuhi peraturan membawa masuk barangan bercukai



SETIAP negara mempunyai peraturan dan kadar cukai yang berbeza, pengunjung perlu mengambil tahu peraturan yang berkuat kuasa di negara sendiri sebelum pulang.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Disember. - Melancong ke luar negara sering memberi peluang kepada para pengunjung untuk membeli pelbagai barangan menarik sama ada sebagai

kenangan atau untuk kegunaan sendiri.

Namun begitu, setiap individu perlu menyedari bahawa terdapat peraturan kastam yang perlu dipatuhi apabila membawa masuk barangan dari luar negara, terutamanya barangan bercukai. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh mengakibatkan denda atau tindakan undang-undang.

Barangan bercukai merujuk kepada barang tertentu yang dikenakan cukai oleh pihak kastam seperti barangan elektronik, kosmetik tertentu, barangan yang melebihi had nilai yang ditetapkan dan lain-lain.

Setiap negara mempunyai peraturan dan kadar cukai yang berbeza. Oleh itu, pengunjung perlu mengambil tahu peraturan yang berkuat kuasa di negara sendiri sebelum pulang.

Salah satu peraturan utama yang perlu dipatuhi ialah had nilai barangan yang dibenarkan untuk dibawa masuk tanpa cukai. Sekiranya nilai barangan yang dibeli melebihi had tersebut, para pengunjung dimestikan membuat pengisytiharan kepada pihak kastam dan membayar cukai yang ditetapkan. Jika sekiranya didapati menyembunyikan barang yang dikenakan cukai boleh dikenakan tindakan tegas.

Selain itu, membawa masuk barangan tertentu melebihi had yang dibenarkan tanpa pengisytiharan juga boleh menyebabkan barangan tersebut dirampas. Oleh itu, pengunjung disarankan agar lebih teliti dalam membuat pembelian.

Pengisytiharan barangan kepada pihak kastam bukanlah sesuatu yang sukar atau merugikan. Sebaliknya, tindakan ini membantu melancarkan proses pemeriksaan dan seterusnya mengelakkan sebarang kesulitan semasa memasuki negara. Kejujuran dalam mengisytiharkan barangan merupakan satu tanggungjawab kita dalam mematuhi undang-undang negara.

Sikap bertanggungjawab ini perlu diterapkan kepada diri

كementerian Kesihatan
MINISTRY OF HEALTH

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser
No. 1 di kalangan **lelaki** dan
No. 2 di kalangan **wanita**
di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi: 1 dalam 10
1 dalam 5
kanser lelaki
kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"
Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari:
<https://moh.gov.bn/>

sendiri agar kita terus menjadi individu yang berintegriti dan patuh kepada undang-undang.

Di samping itu, pelanggaran peraturan kastam juga boleh menjejaskan imej individu dan negara di mata pihak berkuasa.

Kesimpulannya, mematuhi peraturan apabila membawa

masuk barangan bercukai dari luar negara merupakan satu kewajipan yang tidak boleh dipandang ringan.

Dengan mematuhi undang-undang kastam, kita bukan sahaja dapat mengelakkan masalah, malah turut menyumbang kepada keharmonian dan kemajuan negara.

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.



Rentetan Peristiwa Sepanjang Tahun 2025

Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

BFI terima pengiktirafan IFC

BARCELONA, SEPANYOL, Selasa, 8 April. - Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) menerima pengiktirafan IFA Industry Stewardship Champion (IFC) yang dianugerahkan oleh International Fertilizer Association (IFA), menyertai kumpulan eksklusif syarikat fertiliser di seluruh dunia yang menunjukkan komitmen yang luar biasa terhadap keselamatan, alam sekitar tanggungjawab, dan amalan mampan. Pemangku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Dayang Hajah Nur Raihan binti Dato Paduka Haji Mohd. Rosli dan Ketua Operasi BFI, Pengiran Haji Muhammad Ibrahim bin Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar, hadir pada Persidangan IFA Cultivating Tomorrow 2025 di Barcelona, Sepanyol untuk menerima anugerah yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah IFA, Alzbeta Klein.

Selamat meluaran seorang puteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 April. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini memaklumkan bahawasanya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah, isteri kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, telah selamat meluaran seorang puteri pada Rabu, 10 Syawal 1446 Hijrah bersamaan 9 April 2025 Masihi, jam 6.54 pagi. Sempena dengan meluaran ini, sebanyak 17 das tembakan meriam telah dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman.

UBD terima Babson Collaborative Spotlight Award 2025

PERANCIS, Jumaat, 11 April. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini

dianugerahkan Babson Collaborative Spotlight Award 2025 semasa Sidang Kemuncak Global Kolaboratif Babson, yang diadakan di Ecole des Dirigeants et des Créateurs d'entreprise (EDC) Paris Business School, Perancis. Anugerah yang disampaikan oleh Babson College, Amerika Syarikat, yang mengiktiraf inisiatif cemerlang dalam program pendidikan keusahawanan di seluruh rangkaian kolaboratif global.

Berkenan berangkat ke Majlis Santapan Diraja

ARAU, PERLIS, Khamis, 17 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santapan Diraja sempena Sambutan Jubli Perak Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis yang berlangsung di Istana Arau, Perlis, Malaysia.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin dimasyhurkan menjadi Raja Perlis Ke-7 pada 17 April 2000 iaitu selepas kemangkatan ayahanda baginda, Almarhum Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.

Perkenan bagi penyelarasan nama 2 sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 April. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi penyelarasan nama Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD) menjadi Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SARIPAD) dan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah

(SMALHB) menjadi Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STAHB).

Tarikh penguatkuasaan penyelarasan nama bagi sekolah-sekolah berkenaan telah bermula pada Sabtu, 28 Ramadan 1446 Hijrah bersamaan 29 Mac 2025 Masihi.

ATM : Mempromosi kepelbagaian produk pelancongan NBD

EMIRIAH ARAB BERSATU, Sabtu, 3 Mei. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan (Tourism Development Department - TDD), berbesar hati untuk memulakan penyertaannya di Arabian Travel Market (ATM) 2025, yang diadakan dari 28 April hingga 1 Mei 2025 di Pusat Dagangan Dunia Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) menggariskan komitmennya untuk mengukuhkan kehadiran di pasaran Timur Tengah, menjalin kerjasama strategik, dan mempamerkan tawaran pelancongannya yang pelbagai kepada khalayak antarabangsa yang lebih luas.

Berangkat mengalu-alukan ketibaan Presiden Republik Kosovo

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan mengalu-alukan kedatangan Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu serta rombongan yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi mengadakan Lawatan Negara selama tiga hari. Lawatan Negara ini menandakan lawatan sulung Puan Yang Terutama ke NBD.

19 terima Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Mei. - Sebanyak 19 penerima dalam 28 kategori yang berbeza menerima anugerah masing-masing pada Anugerah Tadbir Urus

Terbaik Global 2025 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan anugerah tersebut ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus.

Anugerah 3G adalah program yang memberi penghargaan kepada individu, kerajaan, institusi awam dan swasta serta NGO yang telah menyumbangkan usaha cemerlang dalam bidang itu.

UTB - Huawei Technologies memperkukuh peluang pendidikan, kerjaya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) secara rasmi telah memperluaskan kerjasama strategiknya dengan Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd. melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU), yang bertujuan untuk memperkukuh peluang pendidikan dan kerjaya dalam usaha memajukan ICT, Cloud Computing, 5G dan Kecerdasan Buatan (AI).

MoU berkenaan merupakan komitmen bersama antara UTB dan Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd. dalam memupuk bakat digital Negara Brunei Darussalam dan menyokong transformasi digital negara.

UTB - JCHS meterai MoU inovasi pendidikan, kerjasama antara disiplin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah memeterai satu kerjasama strategik dengan JPMC College of Health Sciences (JCHS) melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) ke arah mengukuhkan komitmen kedua-dua institusi terhadap inovasi dalam pendidikan dan kerjasama antara disiplin termasuk inovasi teknologi dalam pendidikan kesihatan, program latihan industri dan projek penyelidikan yang akan meningkatkan pembangunan pelajar dan kecemerlangan akademik.

MoU berkenaan menandakan satu pencapaian penting dalam usaha bersama UTB dan JCHS untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi dan bersedia menghadapi masa depan.

>> Muka 21





>> Muka 20

Komited mempertingkatkan kecemerlangan sebagai peneraju pengajian tinggi Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) buat pertama kalinya telah menerima anugerah Anugerah Peneraju 3G dalam Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia 2025 dalam Majlis Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global 2025 (Anugerah 3G) Ke-10 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Anugerah ini merupakan hasil penilaian Cambridge IFA dan disampaikan oleh Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus yang juga selaku tetamu kehormat majlis.

Berangkat mengalu-alukan ketibaan Presiden Republik Indonesia

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan mengalu-alukan kedatangan Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto, serta rombongan yang berada di negara ini bagi mengadakan Lawatan Negara.

Hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia yang terjalin melebihi empat dekad itu terus berkembang menerusi pelbagai kerjasamayang memperluaskan pencapaian baharu demi kepentingan bersama.

2 sekolah terima Anugerah Kecemerlangan Projek Pelajar Antarabangsa 2025

BERAKAS, Jumaat, 23 Mei. - Negara Brunei Darussalam terus mencipta kejayaan di persada antarabangsa apabila dua buah sekolah dari negara ini berjaya merangkul kejohanan serta menerima anugerah dalam Pertandingan Anugerah Kecemerlangan Projek Pelajar Antarabangsa 2025 (International Students Project Excellence Award 2025), anjuran Prince of Songkla University yang telah diadakan di International Convention Centre, Hat Yai,

Thailand, pada 21 hingga 23 Mei 2025.

Kebawah DYMM bersemayam di Hotel Grand Hyatt

KUALA LUMPUR, Sabtu, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Alhamdulillah, bersemayam semula di Hotel Grand Hyatt setelah berehat beberapa hari di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur.

Pakar perubatan telah menasihatkan bagi baginda meneruskan berehat beberapa hari lagi sebelum berangkat balik ke Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan kerabat diraja.

Muhammad Arrsyad, Nur Wasiqah Aziemah raih pingat perak

REPUBLIK SINGAPURA, Ahad, 1 Jun. - Muhammad Arrsyad bin Hassan dan Nur Wasiqah Aziemah binti Rosihan masing-masing berjaya memenangi pingat perak di Nusantara Championship 2025 yang julung kali diadakan di Heartbeat@Bedok bermula dari 26 Mei lalu dan berakhir pada 2 Jun 2025.

Muhammad Arrsyad meraih tempat kedua bagi Kategori Kelas J, manakala Nur Wasiqah Aziemah mendapat tempat kedua bagi Kategori Tunggal Puteri.

Acara bersejarah itu telah menandakan buat kali pertama Republik Singapura, Republik Indonesia, Malaysia, Brunei, dan Thailand bergabung dalam satu acara sukan yang luar biasa, mempamerkan semangat kesukanan, persahabatan dan warisan bersama.

Berangkat menziarahi jenazah Allahyarham mantan Menteri Hal Ehwal Ugama

LAMBAK, Isnin, 2 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pehin Jawatan Luar Pekerma

Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, mantan Menteri Hal Ehwal Ugama, di kediaman Allahyarham di Jalan Pasir Berakas.

Sejurus keberangkatan tiba, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyertai Sembahyang Jenazah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Baiduri Bank raih Anugerah 'Leadership in Commercial Volume - Brunei'

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Jun. - Bank Baiduri telah diberi penghormatan dengan anugerah 'Leadership in Commercial Volume - Brunei' oleh Mastercard dan sekali gus mengesahkan kedudukannya sebagai rakan kongsi utama dalam mendigitalkan perbelanjaan komersial di Negara Brunei Darussalam. Anugerah berkenaan disampaikan semasa Mastercard Malaysia Customer Forum 2025, yang diadakan pada 21 hingga 23 Mei 2025 di Mandarin Oriental, Bangkok. Forum berkenaan menghimpunkan institusi kewangan dari seluruh rantau untuk meraikan inovasi dan kepimpinan dalam ruang pembayaran digital.

Pelancaran Festival STEAM UBD 2025

TUNGKU LINK, Khamis, 12 Jun. - Sempena Ulang Tahun Ke-40 Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE), UBD buat julung kalinya melancarkan Festival Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM), acara mengenai inovasi dan pembelajaran antara disiplin yang berlangsung selama empat hari bermula 10 hingga 13 Jun 2025. Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Festival STEAM UBD 2025 berlangsung di Dewan Canselor, UBD, di sini, yang disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku tetamu kehormat majlis.

Memperkukuh objektif negara mempelbagaikan sektor tenaga

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Jun. - Majlis Penandatanganan Perjanjian bagi Joint-Venture Agreement, Land

Lease Agreementdan Power Purchase Agreementbagi pelaburan, pembinaan dan pengendalian Loji Jana Kuasa Fotovoltaiik Solar 30 MW (SPVPP) di Kampung Belimbing Subok berlangsung di Dewan Bankuet, Kompleks Jabatan Perdana Menteri (JPM), petang tadi.

Projek itu dijangka akan meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui bagi Negara Brunei Darussalam, ke arah mencapai sasaran sekurang-kurangnya30 peratus jumlah kapasiti terpasang daripada tenaga yang boleh diperbaharui menjelang tahun 2035.

MoU perkukuh industri penyiaran, kandungan NBD

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Isnin, 16 Jun. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) telah mencatat satu pencapaian penting dalam usaha pembangunan penyiaran dan kandungan dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antarabangsa bersama PT MNC OTT Network di Jakarta, Republik Indonesia, hari ini. MoU ini berperanan sebagai kerangka strategik untuk meneroka kerjasama dalam ekosistem penyiaran dan kandungan digital. Ia menggariskan bidang-bidang kerjasama antara kedua-dua pihak termasuk pelaksanaan projek bersama, pembangunan kapasiti, program kesedaran serta inisiatif yang bertujuan mengukuhkan sektor kreatif dan media kedua-dua negara.

BSM lancar minyak sintetik terbaharu

BERAKAS, Rabu, 25 Jun. - Syarikat Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd. (BSM) hari ini melancarkan Shell Experiential Roadshow di reruai C11, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, semasa berlangsungnya Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Ke-31 (CFTE31).

Acara berkenaan memperkenalkan lima zon interaktif yang direka untuk menyerlahkan inovasi dan promosi terkini daripada Shell.

Tumpuan utama adalah Shell Helix HX8 0W-20 yang baharu iaitu minyak enjin sintetik sepenuhnya yang menawarkan prestasi tinggi pada harga berpatutan yang juga dilancarkan pada jerayawara berkenaan.



Leadership in Commercial Volume - Brunei

Baiduri Bank Berhad





JEPUN PERKENAL TANDA SEMAK LATAR BELAKANG BAGI INDIVIDU BEKERJA DENGAN KANAK-KANAK

TOKYO, 25 Dis. - Agensi kerajaan Jepun yang menyelia dasar berkaitan kanak-kanak pada Khamis mengumumkan pengenalan tanda pensijilan baharu bagi entiti yang menyertai program "Japanese DBS" untuk menyemak rekod kesalahan seksual individu yang bekerja dengan kanak-kanak, lapor Kyodo News.

menampilkan seekor burung hantu dengan perkataan "Komamoro" tertera di atasnya, berdasarkan permainan kata yang menggabungkan "fukuro", istilah bahasa Jepun bagi burung berkenaan, dengan frasa "ko wo mamoro" yang bermaksud "melindungi kanak-kanak", menurut agensi itu.

dijadualkan bermula pada 25 Dis 2026, dua tanda pensijilan akan diperkenalkan - satu bagi pengendali yang ditetapkan seperti sekolah dan pusat asuhan kanak-kanak yang diwajibkan menyemak rekod kesalahan seksual serta memastikan keselamatan, dan satu lagi bagi perniagaan swasta.

tanda berkenaan akan digunakan dalam risalah, di laman sesawang, di premis serta dalam iklan jawatan kosong bagi sekolah, pusat asuhan kanak-kanak dan perkhidmatan berkaitan di seluruh negara.

oleh pengendali swasta adalah secara sukarela. Menurut Agensi Kanak-Kanak dan Keluarga, program DBS gaya Jepun itu dinamakan sempena Disclosure and Barring Service di Britain. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya sembilan maut, bas terbakar dalam kemalangan di Republik India

NEW DELHI, 25 Dis. - Sekurang-kurangnya sembilan orang maut manakala beberapa yang lain cedera selepas sebuah bas terbakar sejurus berlanggar dengan sebuah trak kontena di selatan India pada awal Khamis, lapor Anadolu Ajansi.

Bengaluru ke Shivamogga apabila kemalangan itu berlaku di Lebuhraya Nasional-48. Bas berkenaan terbakar akibat impak berlanggaran itu, kata pegawai kanan polis Ravikanthe Gowda kepada pemberita sambil mengesahkan jumlah korban.

Laporan menyebut bas itu dirempuh oleh trak yang datang dari arah bertentangan selepas kenderaan berkenaan merempuh pembahagi jalan sebelum melanggar bas tersebut. Sementara itu, Perdana Menteri India Narendra Modi berkata beliau sedih dengan kejadian itu.

Republik Rakyat China serah instrumen ratifikasi perjanjian mengenai biodiversiti marin kepada PBB

NEW YORK, 24 Dis. - Republik Rakyat China menyerahkan instrumen ratifikasi Perjanjian di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu (PBB) berkaitan Pemuliharaan dan Penggunaan Mampan Kepelbagaian Biologi Marin di Kawasan Luar Bidang Kuasa Negara (Perjanjian BBNJ) kepada Setiausaha Agung PBB pada 15 Dis.

berkuat kuasa mulai 17 Jan 2026, setakat ini telah ditandatangani oleh 144 negara serta Kesatuan Eropah (EU). China menyertai keseluruhan proses rundingan perjanjian berkenaan dan merupakan antara negara terawal menandatangani Perjanjian BBNJ.

perjanjian antarabangsa penting di bawah Konvensyen PBB mengenai Undang-undang Laut (UNCLOS), yang bertujuan memelihara serta memastikan penggunaan kepelbagaian biologi marin secara lestari. Perjanjian itu memberi tumpuan kepada pengurusan sumber genetik laut dalam, penubuhan zon perlindungan marin, penilaian kesan alam sekitar serta pembinaan keupayaan, sekali gus menetapkan norma undang-undang bagi aktiviti semua negara di laut dalam dan laut lepas. - ©BERNAMA

Bangkai jet bawa Ketua Turus Tentera Libya ditemukan berhampiran Ankara

ANKARA (Istanbul), 24 Dis. - Bangkai sebuah jet peribadi dalam penerbangan ke Tripoli yang membawa lima penumpang, termasuk Ketua Turus Am Angkatan Tentera Libya, Jeneral Mohamed Ali Ahmed Al-Haddad ditemukan di selatan ibu negara Turkiye selepas terputus hubungan sejurus berlepas dari Ankara, kata Menteri Dalam Negeri Ali Yerlikaya pada Selasa.

Esenboga, Ankara menuju ke Tripoli itu ditemukan oleh pasukan gendarmerie kira-kira dua kilometer di selatan Kampung Kesikkavak di daerah Haymana. Menurut Anadolu Ajansi, Menteri Kehakiman Turkiye Yilmaz Tunc berkata pihak pendakwa raya telah melancarkan siasatan berhubung nahas itu.

terputus pada kira-kira 8.52 malam waktu tempatan (1752 GMT), sejurus selepas ia berlepas pada 8.10 malam (1710 GMT). Beliau berkata pesawat itu sempat menghantar pemberitahuan pendaratan kecemasan berhampiran Haymana, namun tiada komunikasi lanjut dapat diwujudkan selepas itu.

Korea Selatan lapor 3 kes baharu selesema burung di ladang ternakan

SEOUL, 25 Dis. - Korea Selatan melaporkan kes baharu selesema burung berpatogen tinggi di tiga ladang ternakan pada Rabu, menjadikan jumlah keseluruhan kes bagi musim ini kepada 21, lapor Agensi Berita Yonhap.

Ketua PBB minta semua pihak "bertenang" ketika Honduras menanti keputusan pilihan raya

HAMILTON (Kanada), 24 Dis. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres pada Selasa menggesa semua pihak di Honduras agar kekal bertenang dan "menahan diri" ketika negara itu menantikan keputusan rasmi pilihan raya umum yang diadakan pada 30 November, lapor Anadolu Ajansi.

- ©BERNAMA

QATAR TEGASKAN SOKONGAN PENUH USAHA GALAK KEAMANAN, KESELAMATAN SOSIAL DI YAMAN



DOHA, 26 Dis. - Qatar menyatakan sokongan penuhnya terhadap semua usaha untuk menggalakkan keamanan dan keselamatan sosial

di Yaman, lapor Agensi Berita Qatar (QNA). Qatar menekankan keperluan kerjasama rapat dalam kalangan

semua pihak di Yaman bagi mengelakkan peningkatan ketegangan serta menyelesaikan semua isu yang belum ditangani

melalui dialog dan kaedah aman, dengan cara yang memelihara perpaduan dan keutuhan wilayah negara itu.

Dalam satu kenyataan pada Khamis, Kementerian Luar Qatar menegaskan sokongan penuh negara itu terhadap kerajaan Yaman yang sah serta peranan Presiden Majlis Kepimpinan Presiden dalam menamatkan penderitaan rakyat Yaman dan

merealisasikan aspirasi mereka ke arah keselamatan, kestabilan, pembangunan dan keamanan.

Kementerian itu turut menyatakan sokongan Qatar terhadap usaha yang diterajui Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) bagi memperkukuh keselamatan dan kestabilan serta memajukan proses pengurangan ketegangan di Yaman. - ©BERNAMA

Nigeria sahkan kerjasama keselamatan dengan AS tangani ancaman keganasan

ISTANBUL, 26 Dis. - Nigeria mengesahkan pada awal Jumaat bahawa ia terus bekerjasama dengan Amerika Syarikat dalam bidang keselamatan bagi menangani ancaman keganasan dan ekstremisme yang berterusan, lapor Anadolu Ajansi.

Kenyataan Kementerian Luar Nigeria itu dikeluarkan selepas serangan udara Amerika Syarikat ke atas sasaran Daesh di barat laut Nigeria.

"Kementerian Luar Nigeria mengesahkan bahawa pihak berkuasa Nigeria kekal terlibat dalam kerjasama keselamatan berstruktur dengan rakan antarabangsa, termasuk Amerika Syarikat bagi menangani ancaman keganasan dan ekstremisme yang berterusan.

"Kerjasama ini telah membawa kepada serangan tepat ke atas sasaran penganas di Nigeria melalui serangan udara di barat laut negara ini," menurut kenyataan itu.

Selaras dengan amalan

antarabangsa dan persefahaman dua hala yang ditetapkan, kerjasama berkenaan merangkumi pertukaran risikan, penyelarasan strategik serta bentuk sokongan lain yang selari dengan undang - undang antarabangsa, penghormatan terhadap kedaulatan dan komitmen bersama terhadap keselamatan serantau serta global.

Kenyataan itu turut menegaskan bahawa tindakan memerangi keganasan oleh Nigeria mengutamakan perlindungan orang awam, memelihara perpaduan nasional serta penghormatan terhadap hak dan maruah semua rakyat tanpa mengira agama atau etnik.

Menurut kenyataan itu, keganasan dalam apa jua bentuk yang menyasarkan mana-mana komuniti merupakan pencabulan terhadap nilai Nigeria dan menjejaskan keamanan serta keselamatan antarabangsa.

Kerajaan Persekutuan akan terus bekerjasama rapat

dengan rakan-rakan melalui saluran diplomatik dan keselamatan sedia ada bagi melemahkan rangkaian penganas, mengganggu pembiayaan serta logistik dan mencegah ancaman rentas sempadan, di samping memperkukuh institusi keselamatan dan keupayaan risikan negara.

Kenyataan berkenaan dibuat selepas Presiden Amerika Syarikat Donald Trump mengumumkan pada Khamis menerusi platform Truth Social bahawa Amerika Syarikat telah melancarkan serangan ke atas sasaran Daesh di barat laut Nigeria.

Sementara itu, US Africa Command (AFRICOM) memaklumkan menerusi platform media sosial X bahawa serangan berkenaan dilancarkan "atas permintaan pihak berkuasa Nigeria" di Negeri Sokoto dan mengorbankan beberapa anggota Daesh. - ©BERNAMA

Ribut ragut 4 nyawa, kerosakan meluas di seluruh California

LOS ANGELES, 26 Dis. - Sekurang-kurangnya empat orang maut akibat ribut yang turut menyebabkan kerosakan meluas di seluruh negeri California, Amerika Syarikat, sepanjang minggu cuti Krismas, lapor Xinhua.

Gabenor Gavin Newsom pada malam Krismas mengisytiharkan darurat di enam daerah iaitu Los Angeles, Orange, Riverside, San Bernardino, San Diego dan Shasta.

Pengisytiharan itu membolehkan kerajaan negeri menggerakkan lebih banyak sumber serta memohon bantuan persekutuan bagi menangani situasi berkenaan.

Jumlah korban meningkat

kepada sekurang - kurangnya empat orang setakat Khamis selepas pihak berkuasa mengesahkan beberapa kematian di lokasi berasingan di seluruh negeri itu.

Di San Diego, sebatang pokok setinggi kira-kira 23 meter tumbang dan mengorbankan seorang lelaki berusia 64 tahun ketika mangsa sedang mengalihkan kenderaannya.

Di sepanjang pantai utara di Daerah Mendocino, seorang wanita berusia lingkungan 70-an dihanyutkan ombak besar ketika berada di Taman Negeri MacKerricher.

Satu lagi kematian dilaporkan di kawasan Redding apabila seorang pemandu terperangkap

dalam kenderaannya yang dinaiki air pada Ahad.

Selain itu, seorang timbalan sheriff di Daerah Sacramento maut dalam kemalangan yang dikaitkan dengan keadaan cuaca buruk pada Rabu.

Gangguan elektrik menjejaskan kira-kira 140,000 pelanggan di seluruh negeri pada malam Rabu, susulan angin kencang serta pokok tumbang yang merosakkan sebahagian besar infrastruktur elektrik.

Pasukan utiliti kemudiannya berjaya memulihkan bekalan elektrik kepada ribuan penduduk, namun setakat petang Khamis, kira-kira 92,000 pelanggan di seluruh negeri masih terputus bekalan elektrik. - ©BERNAMA

Arab Saudi catat lebih 11.9 juta jemaah umrah pada bulan Jamadilakhir

JEDDAH, 26 Dis. - Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi, dengan kerjasama Pihak Berkuasa Am Penjagaan Hal Ehwal Masjidil Haram dan Masjid Nabawi, melaporkan lebih 11.9 juta jemaah dari dalam dan luar negara menunaikan umrah sepanjang bulan Jamadilakhir (bulan keenam dalam kalendar Islam), menurut statistik rasmi.

Agensi Berita Saudi (SPA) melaporkan bahawa angka memberangsangkan itu mencerminkan peningkatan momentum pelaksanaan ibadah umrah serta menonjolkan

kecekapan luar biasa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan bagi melayani para jemaah.

Data itu turut menunjukkan lebih 1.7 juta jemaah umrah tiba dari luar Arab Saudi sepanjang bulan berkenaan.

Kemasukan itu menyerlahkan impak positif platform digital canggih dan perkhidmatan logistik bersepadu yang mempermudah prosedur ketibaan serta membolehkan jemaah melaksanakan ibadah dengan mudah, selesa dan tenang.

Peningkatan berterusan dalam pelaksanaan ibadah umrah itu

mencerminkan komitmen tidak berbelah bahagi Arab Saudi dalam memantapkan ekosistem haji, umrah dan ziarah, selaras dengan matlamat Visi Saudi 2030.

Melalui inovasi dan penjaan berterusan, Arab Saudi menjadikan akses ke dua Masjid Suci lebih mudah sambil menyediakan pengalaman kerohanian menyeluruh yang mengutamakan keselesaan dan keselamatan jemaah umrah pada setiap peringkat - daripada perancangan lawatan sehingga kepulangan jemaah dari negara itu. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 47 maut akibat peningkatan konflik antara etnik di Ethiopia

MOSCOW, 26 Dis. - Sekurang-kurangnya 47 orang dilaporkan maut sejak Rabu susulan peningkatan konflik antara kumpulan etnik Anuak dan Nuer di wilayah Gambella, barat Ethiopia, lapor Sputnik/RIA Novosti memetik portal berita Ethiopia, Addis Standard.

Jumlah kematian itu masih bersifat sementara dan mungkin tidak mencerminkan skala sebenar konflik kerana ia mungkin tidak termasuk mereka yang terkorban dalam kebakaran yang tercetus di bandar berkenaan, menurut laporan itu pada Khamis.

Pertubuhan amal antarabangsa Doctors Without Borders sebelum ini memaklumkan bahawa pusat perubatannya di Gambella telah merawat lebih 100 pesakit yang mengalami kecederaan akibat tembakan dalam tempoh 24 jam lalu.

Etnik Nuer dan Anuak merupakan kumpulan Nilotik yang bertutur dalam bahasa berkaitan, namun kedua-duanya mewakili kumpulan etnik yang berbeza. Ketidakpuasan hati dalam kalangan masyarakat Anuak berpunca daripada peningkatan jumlah etnik Nuer yang melarikan diri ke Gambella dari Sudan Selatan serta keperluan menyerahkan tanah bagi penempatan kem pelarian.

Sebaliknya, masyarakat Nuer mendakwa mereka kurang diwakili dalam arena politik wilayah berkenaan, walaupun jumlah mereka melebihi kaum Anuak dengan nisbah dua berbanding satu. Persaingan antara petani Anuak dan penternak Nuer berkaitan tanah turut menyemarakkan ketegangan berterusan antara kedua-dua kumpulan etnik itu.

Konflik antara etnik itu tercetus pada 10 Disember selepas pembunuhan ketua polis Gambella. Kematian pegawai kanan polis itu, yang merupakan etnik Anuak, mencetuskan pertempuran dan insiden tembakan secara meluas. Sebagai tindak balas, kerajaan mengenakan perintah berkurung. Bagaimanapun, selepas reda seketika, pertempuran kembali tercetus pada 24 Disember.

Pihak berkuasa turut mengharamkan penggunaan senjata api di wilayah itu kecuali bagi anggota penguat kuasa undang-undang. - ©BERNAMA

10 maut, 32 cedera bas terjunam dalam gaung di timur Mexico

MEXICO CITY, 26 Dis. - Sepuluh orang maut manakala 32 lagi cedera selepas sebuah bas terjunam ke dalam gaung di perbandaran Zontecomatlan, Veracruz di timur Mexico, menurut pihak berkuasa tempatan pada Khamis, lapor Xinhua.

Seramai sembilan orang dewasa dan seorang kanak-kanak maut dalam kemalangan itu, menurut kerajaan perbandaran Zontecomatlan dalam satu kenyataan yang dimuat naik di laman Facebook rasminya.

Pihak berkuasa masih meneruskan proses pengesahan identiti mangsa yang terkorban.

Kemalangan berlaku pada Rabu apabila bas yang dikendalikan oleh syarikat Conexion terbabas ketika melalui jalan di utara Veracruz, menurut mangsa terselamat dan petugas kecemasan.

Mangsa yang cedera dihantar ke hospital untuk menerima rawatan perubatan, menurut Sekretariat Perlindungan Awam negeri itu menerusi Facebook. - ©BERNAMA



SEMANGAT KETABAHAN, USAHA BERTERUSAN KUNCI KEJAYAAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Disember. - Baru-baru ini, seorang atlet negara yang berbakat besar, Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan, sekali lagi telah mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam apabila berjaya meraih pingat emas dalam sukan wushu pada temasya Sukan SEA Ke-33 yang berlangsung di Bangkok, Thailand baru-baru ini.

Kejayaan ini amat membanggakan seluruh rakyat Brunei kerana ia membuktikan

kemampuan atlet tempatan untuk bersaing di peringkat serantau.

Pingat emas yang dimenangi oleh Awang Mohammad Adi Salihin ini merupakan pingat emas keempat yang telah beliau perolehi sejak tahun 2019.

Pencapaian tersebut jelas menunjukkan konsistensi, disiplin serta usaha gigih beliau dalam bidang sukan yang diceburinya.

Kejayaan ini bukanlah sesuatu yang mudah dicapai kerana beliau terpaksa melalui latihan yang intensif serta menghadapi saingan hebat daripada atlet-atlet negara lain.

Mengimbas kembali

kemenangannya pada Sukan

SEA itu,

Awang

Mohammad

Adi Salihin,

berumur 25 tahun yang meraih pingat emas dalam Acara Men's Nandao, NanGun dan Nanquan menjelaskan bahawa ia merupakan penyertaannya yang kelima pada temasya sukan tersebut.

"Penyertaan saya buat kali pertama di Sukan SEA di Kuala Lumpur pada tahun 2017 menjadi pendorong untuk saya berusaha dengan lebih kuat lagi setelah gagal mempamerkan aksi yang cemerlang. Setelah pulang dari Kuala Lumpur, saya terus menanam azam untuk meningkatkan lagi mutu persembahan dalam sukan wushu ini. Sebelum menyertai Sukan SEA di Thailand, kami telah dihantar untuk menjalani latihan intensif selama sebulan di Republik Rakyat China di mana latihan diadakan setiap hari pada sebelah pagi dan petang," ujarnya.

Menurut beliau lagi, temasya

Oleh : Aimi Sani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Sukan SEA pada kali ini amat mencabar kerana tiga kategori digabungkan jadi satu perlawanan dan setentunya Kategori Nanquan iaitu acara permulaan adalah yang paling mencabar bagi dirinya.

Harapan beliau seterusnya adalah untuk terus meningkatkan lagi latihan dan berhasrat untuk menyertai mana-mana pertandingan di luar negara. Menurutnya, ketika ini beliau juga sedang bersiap sedia untuk menyertai kejohanan di Republik Rakyat China yang dijadualkan berlangsung pada Jun 2026 dan Jepun pada September 2026 nanti.


Menyentuh mengenai idolanya pula, setentunya abang beliau, Md. Sufi Shayiran bin Roslan yang suatu ketika dahulu merupakan juga seorang atlet wushu.

Selain itu, kejayaan Awang

Mohammad Adi Salihin juga menjadi sumber inspirasi kepada golongan muda di negara ini. Semangat juang dan ketabahan beliau dalam mengejar kejayaan dapat dijadikan contoh bahawa kejayaan tidak akan datang tanpa usaha yang berterusan. Sokongan daripada keluarga, jurulatih dan pihak berkaitan turut memainkan peranan penting dalam kejayaan beliau.

Kesimpulannya, kejayaan Awang Mohammad Adi Salihin memenangi pingat emas di temasya Sukan SEA merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan negara. Diharapkan beliau akan terus cemerlang pada masa hadapan dan menjadi ikon sukan yang dapat mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa.

AWANG
Mohammad
Adi Salihin
bin Roslan
semasa
ditemu bual.



Jeddah jadi tuan rumah peringkat akhir Liga Juara-Juara Elit AFC 2026

RIYADH, 24 Dis. - Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) mengumumkan pada Selasa bahawa Jeddah telah dipilih sebagai tuan rumah bagi peringkat akhir Liga Juara-Juara Elit AFC 2025-2026, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Perlawanan akan dijalankan secara berpusat dan bakal berlangsung di Stadium Bandar Sukan Raja Abdullah serta Stadium Bandar Sukan Putera Abdullah Al-Faisal.

Peringkat akhir itu akan menampilkan lapen kelab yang berjaya mara ke pusingan

kalah mati, yang bakal bertanding dalam format perlawanan tunggal.

Suku akhir dijadualkan berlangsung dari 16 hingga 18 April, diikuti separuh akhir pada 20 hingga 21 April, manakala perlawanan akhir akan diadakan pada 25 April 2026.

Ini merupakan tahun kedua berturut-turut Jeddah dipilih sebagai tuan rumah peringkat akhir kejohanan itu, selepas turut menganjurkannya pada tahun lepas.

Pemilihan itu menyerlahkan keyakinan AFC terhadap kemampuan Arab Saudi dalam menganjurkan acara sukan utama

peringkat benua, kualiti tinggi kemudahan sukannya, serta kerjasama erat antara AFC dan Persekutuan Bola Sepak Arab Saudi dalam menyokong bola sepak Asia.

Bandar Sukan Raja Abdullah dan Bandar Sukan Putera Abdullah Al-Faisal juga merupakan lokasi utama dalam pelan penganjuran Piala Asia AFC 2027 oleh Arab Saudi.

Kedua-dua stadium itu dijadualkan berkongsi penganjuran perlawanan pusingan kalah mati, dengan Stadium Bandar Sukan Raja Abdullah bakal menjadi venue perlawanan akhir kejohanan itu pada awal 2027. - ©BERNAMA

Presiden Uganda tauliah stadium 20,000 tempat duduk menjelang AFCON 2027

KAMPALA, 25 Dis. - Presiden Uganda, Yoweri Museveni pada Rabu mentauliahkan Stadium Hoima City berkapasiti 20,000 tempat duduk, menandakan pencapaian penting dalam persiapan negara itu untuk menjadi penganjur bersama Piala Negara-Negara Afrika (AFCON) 2027.

Xinhua melaporkan bahawa stadium yang dibina dengan kos US\$130 juta itu diserahkan secara rasmi kepada kerajaan semasa satu majlis yang diadakan di Hoima City, Wilayah Barat

Uganda.

"Piala Negara-Negara Afrika yang akan dianjurkan Uganda pada 2027 telah mendorong kami untuk melakukan sesuatu di sini di Hoima City," kata Museveni.

Wanita Pertama merangkap Menteri Pendidikan dan Sukan, Janet Museveni mengucapkan terima kasih kepada presiden dan kerajaan kerana mengutamakan projek berkenaan.

Uganda akan menjadi penganjur bersama AFCON 2027 dengan Tanzania dan Kenya. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

PENYEDIAAN Talian Helpline Kebajikan 141 oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) adalah untuk memberikan ruang perkhidmatan yang lebih baik dan efisien serta bantuan kepada klien-klien yang bermasalah khususnya dalam kes-kes penderaan, pengabaian, perlindungan, eksploitasi, khidmat nasihat, masalah-masalah keluarga dan sebagainya supaya akan dapat diambil perhatian dan tindakan mengikut keutamaan kes-kes berkenaan. Waktu Perkhidmatan Talian Kebajikan 141 beroperasi 24 jam. Ia dirasmikan pada 31 Julai 2006 bersempena dengan Sambutan Hari Pelanggan JAPEM 2006.

SUMBER : <http://www.japem.gov.bn>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

REZEKI ADALAH ANTARA PERKARA YANG MENJADI RAHSIA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA